قليتا بروني
# PELITA BRUNEI
70 TAHUN 1956-2026
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Baqarah, ayat 195.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.09 | DUHA 6.32 | ZUHUR 12.19 | ASAR 3.35 | MAGHRIB 6.26 | ISYAK 7.38
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 51 | 29 APRIL 2026 / 1447 ذوالقعدة 11 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Wakil Tertinggi bagi Hal Ehwal Luar Negeri dan Dasar Keselamatan Kesatuan Eropah merangkap Naib Presiden Suruhanjaya Eropah, Puan Yang Terutama Kaja Kallas. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman (*Lihat muka 2*)**

# Penghayatan Al-Quran membentuk sahsiah, jiwa berilmu

**Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah**

**BERAKAS**, Isnin, 27 April. - Majlis Musabaqah ini merupakan wadah penting dalam usaha berterusan negara untuk memartabatkan Al-Quran sebagai syiar serta pegangan dan panduan hidup yang syumul.

Musabaqah yang kini memasuki tahun ke-67 membuktikan pemerkasaannya yang terus subur dengan peredaran masa.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian pada Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas malam tadi.

>> Muka 3

# Kesejahteraan mental merupakan hak asasi, bukannya satu keistimewaan

**Siaran Akhbar : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 April. - Persekitaran kerja yang selamat dan sihat bukan sahaja melindungi kesejahteraan tenaga kerja kita, malah ia merupakan tonggak asas kepada kemajuan negara, kemakmuran ekonomi dan kestabilan sosial.

Dengan memupuk budaya keselamatan yang kukuh dan berterusan, kita memperkukuh asas bagi melahirkan tenaga kerja yang berproduktiviti tinggi dan membina masyarakat yang lebih sihat serta berdaya tahan pada generasi akan datang.

Justeru itu, amatlah penting untuk kita memperakui bahawa sesebuah negara yang melindungi pekerjanya sedang memelihara masa depannya.

Demikian yang dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri Yang Bertanggungjawab bagi Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dalam perutusan sempena Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026.

>> Muka 6

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



**PEMBINAAN kapal pertama 'Buatan Brunei' menerusi Projek Hull 211**
**Muka 7**



**HUAWEI Technologies rasmikan Smart & Green Office**
**Muka 8**



**MEMPERKUKUH kerjasama merentasi tonggak politik-keselamatan, ekonomi, sosiobudaya**
**Muka 9**



RENCANA
**PUPUK persekitaran kerja yang selamat**
**Muka 20**

Pelita Brunei

# KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Wakil Tertinggi bagi Hal Ehwal Luar Negeri dan Dasar Keselamatan Kesatuan Eropah merangkap Naib Presiden Suruhanjaya Eropah, Puan Yang Terutama Kaja Kallas (atas dan atas kiri).

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan menerima mengadap Wakil Tertinggi bagi Hal Ehwal Luar Negeri dan Dasar Keselamatan Kesatuan Eropah merangkap Naib Presiden Suruhanjaya Eropah, Puan Yang Terutama Kaja Kallas, yang mengadakan lawatan ke negara ini selama dua hari.

Ini merupakan lawatan Puan Yang Terutama buat julung kalinya ke Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN - Kesatuan Eropah (European Union – EU) Ke-25 yang dihoskan oleh Brunei selaku Negara Penyelaras Hubungan Dialog ASEAN-EU bagi tahun 2024 hingga 2027.

Mesyuarat tersebut akan membincangkan mengenai langkah-langkah bagi memajukan Perkongsian Strategik ASEAN-EU merentas sektor-sektor keutamaan, serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama kepada kedua-dua pihak.

Brunei dan EU menjalin hubungan kerja yang rapat melalui beberapa platform pelbagai hala termasuk ASEAN Regional Forum dan Mesyuarat Asia-Eropah, yang mana kedua-dua pihak mempunyai kerjasama baik dalam bidang perdagangan dan pelaburan serta keselamatan.

Menyertai PYT pada Majlis Mengadap tersebut ialah Duta Besar (Tidak Menetap) Kesatuan Eropah ke NBD, Tuan Yang Terutama Denis Chaibi; Member of Cabinet of the High Representative of the Union for Foreign Affairs and Security Policy and Vice-President of the European Commission, Michal Safianik; Managing Director for Asia and Pacific, European External Action Service, Erik Kurzweil; dan Pakar Komunikasi, European External Action Service, Romain Seignovert.

Juga hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

## WAKTU SEMBAHYANG

| APRIL MASIHI | HARI | ZULKAEDAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 29 | RABU | 11 | 4.39 | 4.49 | 6.09 | 6.32 | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |
| 30 | KHAMIS | 12 | 4.39 | 4.49 | 6.09 | 6.32 | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |
| 1 MEI | JUMAAT | 13 | 4.38 | 4.48 | 6.09 | 6.32 | 12.18 | 3.35 | 6.26 | 7.38 |
| 2 | SABTU | 14 | 4.38 | 4.48 | 6.08 | 6.31 | 12.18 | 3.36 | 6.26 | 7.38 |
| 3 | AHAD | 15 | 4.38 | 4.48 | 6.08 | 6.31 | 12.18 | 3.36 | 6.26 | 7.38 |
| 4 | ISNIN | 16 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.31 | 12.18 | 3.36 | 6.26 | 7.38 |
| 5 | SELASA | 17 | 4.37 | 4.47 | 6.08 | 6.31 | 12.18 | 3.37 | 6.26 | 7.38 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 34 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 33 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Kuala Belait | 34 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

29 APRIL 2026

# Kepentingan vaksin lindungi semua peringkat umur

**MINGGU** Imunisasi Sedunia diraikan pada 24 hingga 30 April yang bertujuan untuk mengingatkan orang ramai akan kepentingan vaksin dalam melindungi semua peringkat umur daripada penyakit yang boleh dicegah melalui pengambilan vaksin.

Sambutan pada tahun ini membawakan tema 'Untuk Setiap Generasi, Vaksin Berkesan' yang menekankan peranan penting vaksin dalam melindungi individu pada setiap peringkat kehidupan, daripada anak damit hinggalah kepada warga emas.

Pemberian vaksin merupakan salah satu intervensi kesihatan awam yang sangat penting dan kos efektif dalam pencegahan penyakit-penyakit yang boleh dicegah seperti Campak, Poliomielitis, Difteria dan Pertusis. Dalam tempoh 50 tahun yang lalu, vaksin telah menyelamatkan lebih daripada 150 juta nyawa kerana individu memilih untuk melindungi diri mereka, keluarga dan komuniti mereka.

Impak vaksinasi ini adalah bersamaan dengan menyelamatkan enam nyawa setiap minit, setiap hari, selama lebih lima dekad. Keputusan setiap keluarga untuk memberi vaksin kepada anak-anak mereka, bersama komitmen daripada kakitangan kesihatan untuk memastikan setiap kanak-kanak menerima vaksin.

Komitmen yang kukuh daripada kepimpinan negara telah membantu meningkatkan kadar kelangsungan hidup anak damit sebanyak 40 peratus dalam tempoh 50 tahun yang lalu dan melindungi puluhan juta kanak-kanak daripada kecacatan seumur hidup.

Semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) dapat menerima perkhidmatan vaksin daripada pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan (Expanded Programme for Immunisation), Kementerian Pendidikan.

Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan NBD menyediakan vaksin-vaksin yang menyeluruh, selamat dan berkesan merangkumi 12 jenis vaksin untuk penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin. Pemberian vaksin kepada semua rakyat dan penduduk melalui Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, perkhidmatan kesihatan sekolah serta perkhidmatan vaksinasi dalam komuniti, NBD telah berjaya mengekalkan pencapaian kadar liputan imunisasi kanak-kanak yang tinggi iaitu lebih daripada 95 peratus perlindungan sepanjang dekad yang lalu.

Dengan demikian, ia setentunya menyumbang kepada pengawalan dan penghapusan penyakit cegahan vaksin di negara ini seperti Campak, Rubella dan Poliomielitis. Dengan pencapaian Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan yang berjaya telah menjadikan NBD sebagai salah satu negara yang diisytiharkan bebas daripada penyakit Polio, Measles dan Rubella sejak dua dekad yang lalu.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan ingin menggalakkan semua ibu bapa, penjaga dan individu untuk memastikan vaksinasi sentiasa dipatuhi mengikut jadual yang telah diberikan di klinik-klinik.

Selaras dengan tema 'Untuk Setiap Generasi, Vaksin Berkesan', Kementerian Kesihatan terus kekal komited dalam melindungi kesihatan negara melalui program imunisasi yang kukuh dan juga mampan. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوله جابتن فنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# PENGHAYATAN AL-QURAN MEMBENTUK SAHSIAH, JIWA BERILMU



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada majlis berkenaan.**

**Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

>> Muka 1

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, tema tahun ini, 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya', menyeru kepada seluruh lapisan masyarakat untuk bersama-sama menjunjung dan menanai tanggungjawab serta amanah yang sangat besar ini.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda, ayat-ayat suci Al-Quran bukan untuk dilafazkan semata-mata.

"Kalamullah diturunkan untuk dibaca dengan hati yang hadir, difahami dengan akal yang terbuka, dan dihidupkan dalam setiap tindak-tanduk kehidupan.

"Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Shad, ayat 29, tafsirnya : "*(Al-Quran ini ialah) sebuah kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (Wahai Nabi Muhammad), yang mengandungi berkat, supaya mereka memikirkan dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai akal dapat mengambil pengajaran*," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Justeru, sabda DYTM, majlis musabaqah ini bukan semata-mata tentang pertandingan. Ia adalah usaha bersama untuk menyemai dan memperkukuh kecintaan hakiki terhadap Al-Quran, membentuk sahsiah dan kerohanian generasi muda menjadi pewaris yang berpegang teguh kepada tauhid.

Di sebalik membaca dengan tartil, sabda DYTM, Allah Subhanahu Wata'ala juga memperingatkan kita dalam Surah Muhammad, ayat 24, iaitu tentang hikmah serta tuntutan yang lebih besar dalam menyantuni kitabullah sepertimana tafsirnya : "*Maka tidakkah mereka memperhatikan Al-Quran ataukah hati mereka terkunci?*"

Seterusnya dalam sabda DYTM, sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperingatkan sempena majlis musabaqah tahun lalu bahawa "*Al-Quran bukan sekadar bacaan, tetapi sebuah manual kehidupan yang mendidik akal-budi untuk mengenal hikmah dan kebenaran*".

Titah baginda itu, sabda DYTM, menegaskan bahawa penghayatan Al-Quran bukan sahaja membentuk insan yang bertaqwa, bahkan turut melahirkan akal yang tajam dan jiwa yang berilmu.

"Pada hemat saya, 'Celik Al-Quran' bermaksud lebih daripada sekadar keupayaan membaca. Ia menuntut generasi yang memahami apa yang dibacanya, lidah serta hatinya sentiasa tergerak oleh kehalusan kalam Allah, dan yang menjadikan Al-Quran sebagai pegangan terunggul dalam mendepani sebarang bentuk cabaran kehidupan. Perkara ini seiring dengan aspirasi negara, iaitu untuk secara berterusan memelihara kesejahteraan rakyat dan tanah air tercinta melalui gagasan pembangunan yang menyeluruh merangkumi aspek spiritual, intelektual, ekonomi dan sosial.

"Dalam hubungan ini, saya menyambut baik dan menghargai komitmen berterusan semua pihak khasnya ke arah mempergiat serta mengembangkan pelbagai program 'Celik Al-Quran' termasuk kelas-kelas tadabbur untuk seluruh peringkat masyarakat", sabda DYTM.

DYTM seterusnya bersabda inisiatif sepadu pelbagai pihak berkepentingan ini telah semakin dipermudahkan melalui berbagai kemudahan digital, termasuk rakaman audio bacaan Al-Quran dan rancangan televisyen berkonsepkan pembelajaran Al-Quran yang boleh diakses melalui saluran media rasmi kerajaan RTBGo menurut kesesuaian masa setiap pencinta ilmu.

Sehubungan dengannya, sabda DYTM, mereka yang berpegang teguh kepada Al-Quran adalah juga mereka yang lebih kukuh dalam berhadapan dengan pengaruh negatif luar, serta lebih terdidik untuk mengenal dan memperkasa nilai-nilai falsafah negara Melayu Islam Beraja.

DYTM bersabda, di sinilah peranan kita semua untuk terus berusaha mengisi kehidupan dengan mendidik akal-budi yang berupaya mengenal 'hikmah dan kebenaran' yang dimaksudkan.

"Akhir kata, dengan lafaz kalimah agung *Bismillahir Rahmanir Rahim*, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1447H," demikian sabda DYTM.

# Berangkat ke Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Akhir Kebangsaan





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi. Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BERAKAS**, Isnin, 27 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; dan Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar; serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H/ 2026M yang lain.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

>> Muka 4



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sembah alu-aluannya (atas). Manakala gambar kanan, bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.**





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan paduka adinda berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.**

>> Muka 3

Pada majlis musabaqah tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Sabda dan seterusnya menyempurnakan perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M.



**PERSEMBAHAN Nasyid (Al-Quran Syafa'ah) sebagai lagu tema musabaqah oleh penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.**

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim.

Diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin yang antara lain menyembahkan tema musabaqah tahun ini mengungkapkan kata-kata seruan 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya'.

"Sesungguhnya ia ditujukan kepada kita supaya akan terus menerus berusaha melaksanakan pembelajaran Al-Quran untuk memastikan generasi negara akan tetap celik Al-Quran, sesuai dengan dasar pembelajarannya melalui pendidikan formal di sekolah-sekolah, selain di masjid-masjid, balai-balai ibadah dan bahkan di rumah-rumah yang diinisiatifkan oleh ibu bapa dan keluarga untuk anak cucu mereka bahkan untuk diri mereka.

"Begitu juga sudah semakin berkembang minat mengikuti pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah yang ditubuhkan dengan inisiatif pihak-pihak swasta yang khusus menjadi pusat mempelajari Al-Quran bagi sebahagian orang muda dan dewasa, sama ada untuk pandai membaca dan supaya celik Al-Quran ataupun untuk anak-anak mereka yang sedia belajar di sekolah-sekolah supaya akan segera pandai membaca Al-Quran dengan lancar," sembah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan bahawa dalam masa yang sama, adalah sesuai pembelajaran Al-Quran disertakan dengan memberikan makna ayat-ayat Al-Quran yang dibaca dan diajarkan itu.

Ini boleh disesuaikan dengan peringkat - peringkat umur, sembah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat kemudiannya menyembahkan bahawa bahan untuk mengajar Al-Quran beserta memberikan makna ayat-ayat yang dipelajari sedemikian itu sudah tersedia iaitu Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, terbitan Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Musabaqah kemudiannya dimulakan dengan bacaan Al-Quran dari tiga orang peserta iaitu Awang Ahmad Naufal bin Haji Nor Asman, Dayang Nur Amal Atiqah@Aida binti Haji Sudirman dan Awang Mohammad Ayob bin Ali.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Nasyid (Al-Quran Syafa'ah) sebagai lagu tema musabaqah oleh penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sejurus itu, Musabaqah disambung dengan memperdengarkan bacaan Al-Quran daripada tiga orang peserta iaitu Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat, Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, dan Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah kemudiannya berangkat meninggalkan majlis setelah selesai enam orang peserta memperdengarkan bacaan masing-masing di hari pertama musabaqah.

Musabaqah tersebut berlangsung selama tiga hari berturut-turut dan akan disambung lagi pada hari kedua, esok malam, 28 April 2026.

Sementara itu, Majlis Pengumuman Keputusan bagi menentukan johan qari dan qariah musabaqah berkenaan ialah pada Rabu malam Khamis, 29 April 2026 di Dewan Plenary, ICC, Berakas, bermula pukul 7.15 malam.

Musabaqah tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, JPM, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST).






**BACAAN Al-Quran daripada Awang Ahmad Naufal bin Haji Nor Asman dan Dayang Nur Amal Atiqah@Aida binti Haji Sudirman berserta *ibrah*nya (gambar-gambar atas).**






**BACAAN Al-Quran daripada Awang Mohammad Ayob bin Ali dan Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat berserta *ibrah*nya (gambar-gambar atas).**






**BACAAN Al-Quran daripada Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dan Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri berserta *ibrah*nya (gambar-gambar atas).**

# 6 PESERTA PERDENGARKAN BACAAN PADA HARI KEDUA MUSABAQAH

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat pada hari kedua Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seramai tiga qari dan tiga qariah memperdengarkan bacaan Al-Quran masing-masing pada hari kedua musabaqah berkenaan.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; dan Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar, bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Musabaqah kemudiannya diteruskan dengan bacaan Al-Quran oleh tiga peserta, iaitu Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki dan Awang Haji Hazwan bin Haji Salim.

Majlis turut diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran (Zainul Qur'an), iaitu ayat-ayat suci Al-Quran secara bertarannum oleh tiga qari yang pernah mewakili negara pada Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia, iaitu Awang Muhammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah, Awang Haji Mohammad bin Ali dan Awang Haji Muhammad Fikri bin Awang Haji Metussin.

Musabaqah disambung lagi dengan bacaan Al-Quran oleh tiga lagi peserta, iaitu Dayang Nurhaneyah binti Nordin, Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dan Dayang Nureen binti Mohd. Salleh.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya berangkat meninggalkan majlis setelah selesai keenam-enam peserta memperdengarkan bacaan masing-masing pada hari kedua musabaqah.

Majlis Pengumuman Keputusan bagi menentukan johan qari dan qariah Musabaqah Membaca Al Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M akan diadakan pada hari ketiga dan terakhir, iaitu esok malam, Rabu malam Khamis, 12 Zulkaedah 1447 bersamaan 29 April 2026 di tempat yang sama bermula jam 7.15 malam.

Tema Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M ialah 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya'.

Musabaqah tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, JPM, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST).



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat pada hari kedua Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.**






**BACAAN Al-Quran daripada Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili dan Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki berserta *ibrah*nya (gambar-gambar atas).**






**BACAAN Al-Quran daripada Awang Haji Hazwan bin Haji Salim dan Dayang Nurhaneyah binti Nordin berserta *ibrah*nya (gambar-gambar atas).**






**BACAAN Al-Quran daripada Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri dan Dayang Nureen binti Mohd. Salleh berserta *ibrah*nya (gambar-gambar atas).**

PELITA BRUNEI

# ISB RAIKAN PELAJAR BERJAYA MENCAPAI DOFE INTERNATIONAL AWARD

**Siaran Akhbar dan Foto : International School Brunei**



**YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima Anugerah Gangsa DofE International Award.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 27 April. - Pelajar International School Brunei (ISB) yang berjaya meraih Duke of Edinburgh (DofE) International Awards peringkat emas, perak dan gangsa bagi tahun akademik 2025/2026 di ISB secara rasmi menerima sijil sebagai tanda kejayaan mereka pada DofE International Award Ceremony yang berlangsung di Teater ISB, baru-baru ini.

Majlis berkenaan diadakan bagi meraikan para penerima DofE International Award atas pencapaian mereka, serta dedikasi dan ketekunan mereka dalam mencapai anugerah yang sememangnya layak diterima.

Bagi tahun akademik semasa di ISB, seramai 43 pelajar dari ISB Secondary dan ISB's International Baccalaureate Diploma Programme telah meraih pencapaian penting berkenaan, dengan dua anugerah emas, tujuh perak dan 34 gangsa berjaya diraih.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah merupakan antara pelajar ISB yang mencapai Anugerah Gangsa DofE International Award.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Ketua Sekolah Menengah ISB, Dr. Peter Jones; Timbalan Ketua Sekolah Menengah ISB, Ai Ling Wong; Head of Enrichment di ISB, Ashley David; para penyelia dan penilai DofE International Award; serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar yang menerima anugerah.

Semua peringkat DofE International Award memerlukan peserta melibatkan diri dalam empat komponen utama, iaitu kesukarelawanan, kemahiran, rekreasi fizikal dan ekspedisi yang dikenali sebagai Adventurous Journey.

Bagi anugerah emas, terdapat tambahan komponen Residential, dengan peserta menghabiskan lima hari dan empat malam berturut-turut dalam persekitaran kediaman sambil bekerjasama dengan individu baharu untuk mencapai matlamat bersama.

Dr. Peter Jones dalam ucapannya pada majlis berkenaan berkata, kita hidup dalam dunia yang sering mengutamakan kejayaan mudah. Namun, Duke of Edinburgh's International Award adalah bertentangan dengan konsep 'segera'.

Jelasnya, ia merupakan satu perjalanan maraton kendiri.

"Kepada para penerima, awda bukan sekadar menghadapi cabaran, awda berani mencuba. Awda telah menghayati semangat sebenar sekolah kita dan pada malam ini, kita meraikan ketahanan dan kecekalan awda," katanya lagi.

ISB berbangga kerana telah melaksanakan DofE International Award sejak 2015. Diiktiraf secara meluas sebagai anugerah pencapaian belia terkemuka di dunia, DofE International Award merupakan rangka kerja global bagi pendidikan dan pembelajaran tidak formal yang mencabar golongan muda untuk bercita-cita tinggi, meraikan pencapaian mereka, serta memberi impak kepada dunia.

Melalui pembangunan kemahiran yang boleh dipindah, meningkatkan tahap kecergasan mereka, memupuk semangat pengembaraan dan penglibatan dalam aktiviti sukarelawan komuniti, anugerah berkenaan membantu golongan muda mencari tujuan, minat dan peranan mereka dalam dunia. Program berkenaan beroperasi di lebih 140 negara dan wilayah, serta memberi inspirasi kepada jutaan belia.

Pelajar ISB yang menyertai Skim DofE International Award telah meningkatkan keyakinan diri, daya tahan serta kemahiran kerja berpasukan mereka sambil menyelesaikan semua cabaran dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh akan mengukuhkan permohonan ke universiti serta peluang pekerjaan pada masa hadapan.

# Kesejahteraan mental merupakan hak asasi, bukannya satu keistimewaan



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Menteri Yang Bertanggungjawab bagi Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) dalam perutusan sempena Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar**

>> Muka 1

Jelas Yang Berhormat lagi, sempena memperingati Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026, dengan tema 'Persekitaran Kerja Psikososial yang Baik : Landasan Ke Arah Pekerja yang Berkembang Maju dan Organisasi yang Teguh', kita diperingatkan bahawa kesejahteraan mental merupakan hak asasi, dan bukannya satu keistimewaan.

Kita semua, tambah Yang Berhormat, bertanggungjawab untuk bertindak secara tegas dengan mengenal pasti, menilai dan mengurangkan risiko psikososial di setiap tempat kerja, supaya setiap pekerja dapat berkembang maju dan setiap organisasi dapat menanganinya dengan segera, penuh komitmen dan keazaman.

"Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organisation - ILO), risiko psikososial ditakrifkan sebagai interaksi dinamik di antara persekitaran kerja, tugas dan tanggungjawab, keadaan sesebuah organisasi, serta keadaan peribadi dan keperluan pekerja.

"Kesemua faktor yang berkait dan bagaimana pekerja-pekerja boleh terkesan oleh akibatnya, akan memberi pengaruh yang mendalam terhadap tahap kesihatan, prestasi di tempat kerja, produktiviti dan tahap kepuasan kerja secara keseluruhan.

"Bahaya psikososial merupakan isu yang bersifat pelbagai dimensi dan boleh berpunca daripada beban kerja berlebihan, suasana kerja yang kurang memuaskan, peranan dan jangkaan tugas yang tidak jelas, kebimbangan terhadap perkembangan kerjaya, jaminan pekerjaan, konflik atau gangguan di tempat kerja, dan cabaran berterusan untuk mengimbangi tanggungjawab profesional dan keluarga," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya menjelaskan jika sekiranya tidak ditangani dengan sewajarnya, kesannya bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan individu, malah organisasi turut berdepan dengan kemerosotan produktiviti serta peningkatan risiko yang boleh menyebabkan kemalangan atau insiden di tempat kerja.

Untuk menangani atau mendepani cabaran berkenaan secara berkesan tekan Yang Berhormat lagi, para majikan, pekerja, pegawai sumber manusia dan Pegawai Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (Health, Safety and Environment - HSE) perlu beralih daripada pendekatan reaktif kepada pendekatan proaktif pencegahan yang sistematik. Ini termasuklah mewujudkan persekitaran kerja yang bukan sahaja melindungi pekerja daripada bahaya, tetapi turut memperkasa mereka untuk berkembang maju.

Menurut anggaran tahun 2022 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation-WHO) dan ILO ujar Yang Berhormat lagi, kemurungan dan keresahan telah menyumbang kepada kira-kira 12 bilion kehilangan hari bekerja setiap tahun di seluruh dunia. Kerugian ini diterjemahkan hampir mencecah USD1 trilion setahun kepada ekonomi global.

Anggaran kerugian berkenaan tegas Yang Berhormat, menggambarkan dengan jelas kesan besar pengabaian kesihatan mental dan impaknya secara langsung serta boleh diukur terhadap produktiviti sesebuah negara, termasuk di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"ILO turut menekankan kaitan rapat di antara tekanan psikososial dengan keselamatan fizikal di tempat kerja. Tekanan yang tinggi boleh menjejaskan fokus dan keupayaan membuat keputusan, menyebabkan kelambatan tindak balas (*reaction*) dan meningkatkan risiko berlakunya kemalangan atau insiden.

"Oleh itu, kesejahteraan yang terjejas wajar dianggap sebagai satu bentuk bahaya kepada keselamatan yang tersendiri.

"Tambahan pula, Tinjauan Global ILO pada 2022 melaporkan hampir 23 peratus pekerja di seluruh dunia pernah mengalami keganasan atau gangguan di tempat kerja, sama ada secara fizikal, psikologi atau seksual.

"Kelakuan sedemikian sama sekali jelas bertentangan dengan nilai maruah dan rasa hormat yang mesti diterapkan dalam persekitaran kerja moden. Hakikat ini juga menunjukkan bahawa kesihatan mental, keselamatan di tempat kerja dan produktiviti adalah saling berkait rapat dan tidak boleh dipisahkan," kata Yang Berhormat lagi.

Dalam perutusan berkenaan, Yang Berhormat juga menjelaskan organisasi yang mengabaikan bahaya psikososial akan menghadapi risiko tinggi berkaitan dengan kadar ketidakhadiran, peningkatan kadar pertukaran kakitangan dan penurunan produktiviti, yang membawa kepada kerugian kewangan dan gangguan operasi.

Sebaliknya kata Yang Berhormat, pekerja yang mempunyai semangat positif dan kesejahteraan kukuh akan sentiasa menunjukkan prestasi keselamatan yang lebih baik. Oleh itu, mengutamakan kesejahteraan psikososial merupakan pelaburan strategik yang meningkatkan keselamatan dalam operasi, ketahanan organisasi serta inovasi yang lebih mantap.

Untuk mencapai pendekatan perlindungan pekerja holistik yang sebenar kata Yang Berhormat, dalam persekitaran kerja yang semakin kompleks dan dinamik, usaha keselamatan dan kesihatan mestilah merangkumi kedua-dua aspek fizikal dan psikologi secara seimbang.

SHENA tambah Yang Berhormat lagi, secara berterusan, berusaha menangani risiko psikososial seiring dengan bahaya fizikal, dan selaras dengan perubahan sifat pekerjaan. SHENA juga akan terus mempergiatkan usaha bagi menangani cabaran daripada bahaya kontemporari yang kurang ketara terhadap kesejahteraan pekerja.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut memberikan keutamaan dalam usaha menangani risiko sedemikian melalui pelbagai inisiatif berterusan. Antaranya ialah pelancaran Buku Garis Panduan Menangani Gangguan dalam Perkhidmatan Awam NBD pada November 2025, yang menyediakan piawaian jelas untuk memupuk rasa hormat dan akauntabiliti di tempat kerja.

Berpandukan asas berkenaan kata Yang Berhormat, pada Januari 2026, kerjasama antara SHENA, Pusat Promosi Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Buruh telah merintis dasar-dasar bagi memupuk tempat kerja yang lebih selamat dan inklusif, di mana risiko psikososial dikurangkan dan penjagaan kesihatan mental dapat diakses tanpa stigma.

Inisiatif berkenaan jelas Yang Berhormat menyokong aspirasi Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memperkukuh tadbir urus yang baik serta memajukan pembangunan modal insan yang berkualiti tinggi, berintegriti dan berdaya tahan.

"Usaha-usaha ini selaras dengan objektif Wawasan Brunei 2035 dan menegaskan komitmen kerajaan yang teguh terhadap kesejahteraan semua lapisan rakyat melalui penambahbaikan dan pembaharuan dasar negara secara berterusan.

"Ia menjadi keperluan bagi majikan untuk memastikan amalan pengurusan yang berkesan dan berintegriti dalam menangani risiko psikososial, manakala pekerja pula memainkan peranan aktif dalam memupuk budaya saling menghormati dan tanggungjawab bersama. Melalui usaha kolektif ini, semua pihak dapat memastikan matlamat organisasi tercapai dengan menjadikan keselamatan, kesejahteraan dan daya tahan sebagai teras kepada setiap operasi.

"Tiada kesihatan tanpa kesihatan mental. Sempena Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026, marilah kita memperteguh iltizam bersama untuk membina tempat kerja di mana setiap individu merasa dihargai, dihormati dan diberikan sokongan menyeluruh baik dari segi fizikal mahupun psikologi.

"Bersama-sama, kita memastikan NBD terus kekal menjadi sebuah negara yang memelihara kesejahteraan tenaga kerjanya, memperkukuh organisasinya serta menjamin masa depannya," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

# PENANDATANGANAN KONTRAK PERJANJIAN PEMBINAAN RUMAH BANTUAN YSHHB



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan merangkap Pemangku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB selaku tetamu kehormat majlis. Hadir menandatangani bagi pihak YSHHB ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan YSHHB.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 April. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hari ini menandatangani kontrak perjanjian bagi pembinaan lima buah rumah bantuan di bawah Skim Bantuan Perumahan YSHHB yang dikontrakkan kepada Syarikat Impian Reka Bina Sendirian Berhad.

Rumah bantuan tersebut dibina dalam bentuk banglo yang mempunyai tiga buah bilik tidur, sebuah dapur, sebuah bilik tamu dan sebuah tandas.

Projek pembinaannya yang melibatkan sebanyak empat buah rumah di Daerah Brunei Muara serta sebuah rumah di Daerah Belait yang akan bermula pada bulan Mei 2026 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2026.

Konsep dan reka bentuk rumah bantuan berkenaan menampilkan ciri-ciri moden dan selaras dengan perkembangan teknologi semasa dalam pembangunan rumah kos rendah, di samping membolehkan pembinaannya disiapkan dalam tempoh yang lebih singkat.

Majlis menandatangani kontrak perjanjian tersebut diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penandatanganan kontrak perjanjian antara YSHHB dan syarikat yang dilantik iaitu Syarikat Impian Reka Bina Sdn. Bhd.

Menandatangani bagi pihak YSHHB ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan YSHHB; serta Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Penandatanganan tersebut disaksikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar merangkap Pemangku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB selaku tetamu kehormat majlis.

Salah satu tujuan penubuhan YSHHB dalam bidang kebajikan adalah untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat melalui penyediaan skim bantuan kepada golongan yang memerlukan termasuk skim bantuan perumahan.

Penyediaan bantuan perumahan kepada golongan yang memerlukan adalah selaras dengan tujuan penubuhan YSHHB dalam bidang kebajikan. Bantuan ini juga sejajar dengan salah satu Matlamat Strategik YSHHB iaitu Mengimbangi Pemedulian Keperluan Asasi.

Projek bantuan perumahan di bawah Skim Bantuan Perumahan YSHHB dikhususkan kepada rakyat yang kurang berkemampuan serta keadaan tempat tinggal mereka berada dalam keadaan daif dan tidak selamat untuk didiami. Bantuan ini juga dihasratkan bagi memberikan peluang untuk mereka memperbaiki taraf hidup.

Sejak pelaksanaan projek bantuan perumahan di bawah Skim Bantuan Perumahan YSHHB pada tahun 1996 hingga kini, sebanyak 186 buah rumah telah dibina di seluruh negara.

Inisiatif ini telah memberikan harapan baharu kepada 186 keluarga untuk meneruskan kehidupan harian dalam persekitaran yang lebih selesa dan selamat.

Acara diteruskan dengan Majlis Penyampaian Sumbangan Kewangan kepada Mangsa Bencana Alam.

Dalam majlis tersebut, YSHHB telah menyampaikan sumbangan berjumlah keseluruhan BND10,950 kepada tiga buah keluarga yang terjejas akibat bencana alam di beberapa buah kampung di Daerah Brunei dan Muara.

Para penerima terdiri daripada Dayang Masadira binti Sahat@Md. Sahat, dari Kampung Lambak 'A'; Awang Shahminan bin Haji Besar, Kampung Perpindahan Serasa; dan Awang Juni bin Haji Mahrop, Kampung Setia 'A'.

Selaras dengan hasrat murni penubuhannya, YSHHB sentiasa menzahirkan keprihatinan terhadap golongan yang kurang bernasib baik termasuk mereka yang terjejas akibat musibah seperti kebakaran rumah dan rumah roboh.

Sumbangan yang disampaikan ini merupakan bantuan segera yang dihasratkan dapat meringankan beban mangsa serta membantu mereka meneruskan kehidupan seharian.

Turut hadir di majlis ini ialah pegawai-pegawai kanan di jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan, serta pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB.

YSHHB merupakan wadah amal jariah dan derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersama kerabat diraja.

Penubuhannya mencerminkan keprihatinan dan kasih sayang baginda terhadap rakyat, di samping menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang sejahtera dan makmur di Negara Brunei Darussalam.

# Pembinaan kapal pertama 'Buatan Brunei' menerusi Projek Hull 211

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**MUARA**, Isnin, 27 April. - Pulau Muara Besar hari ini mencatatkan satu detik penting bagi industri maritim Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan berlangsungnya Majlis Permulaan Pembinaan Kapal Hull 211, sekali gus menandakan kelahiran bersejarah kapal pertama buatan NBD.

Hull 211 merupakan sebuah Kapal Pemindahan Krew (Crew Transfer Vessel-CTV) khusus sepanjang 180 kaki, dilengkapi dengan badan dan struktur atas daripada aluminium serta berkeupayaan membawa sehingga 80 penumpang.

Pencapaian signifikan ini direalisasikan di limbungan kapal Anson International Sdn. Bhd. (Anson International) yang terletak di Pulau Muara Besar, dan merupakan satu langkah penting dalam perjalanan negara ke arah keupayaan industri, inovasi dan kecemerlangan maritim.

Majlis berkenaan diserikan dengan kehadiran tetamu-tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Terdahulu, Interim General Manager of Anson International, Awang Haji Musa bin Haji Adnin dalam ucapan alu-aluannya merakamkan penghargaan atas kehadiran serta sokongan berterusan semua tetamu kehormat, sambil menekankan kepentingan projek berkenaan sebagai cerminan keupayaan industri NBD yang semakin berkembang serta dedikasi tenaga kerja tempatan.

Beliau juga menyatakan bahawa permulaan Hull 211 bukan sekadar satu pencapaian teknikal, malah merupakan simbol kemajuan, keupayaan dan pembangunan negara yang didorong oleh komitmen semua pihak yang terlibat dalam projek berkenaan.

Majlis turut menyaksikan penandatanganan kontrak secara rasmi antara Anson International dan FOS Fast Offshore Supply Pte. Ltd., yang menandakan permulaan rasmi kerjasama projek Hull 211.

Acara diteruskan dengan upacara simbolik menandatangani lunas kapal, sebagai lambang peletakan asas pembinaan serta bermulanya secara rasmi proses pembinaan kapal berkenaan.

Anson International menekankan bahawa projek berkenaan menyokong aspirasi negara di bawah Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam membangunkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran serta menyumbang kepada ekonomi yang pelbagai dan mampan.

FOS membawa kepakaran teknikal serta pengalaman industri yang berharga kepada projek berkenaan, sekali gus menyokong pembangunan keupayaan dan pemindahan pengetahuan kepada tenaga kerja tempatan yang terlibat.

Kerjasama berkenaan dijangka memberikan pengalaman praktikal yang bermakna kepada para profesional NBD yang terlibat, serta memperkukuh keupayaan jangka panjang dalam negara dalam bidang pembinaan kapal dan kejuruteraan luar pesisir.

Anson International juga merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada pihak berkepentingan utama, termasuk agensi kerajaan dan badan berkanun yang berkaitan, atas sokongan berterusan dalam memudah cara proses kelulusan dan pelesenan yang penting bagi kemajuan projek berkenaan.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu-tetamu kehormat.**

Pengiktirafan khusus diberikan kepada Jawatankuasa Kluster Maritim Brunei atas peranannya dalam memupuk penyelarasan serta mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi memajukan industri maritim negara.

Penghargaan istimewa juga dirakamkan kepada barisan pengurusan serta pasukan projek atas dedikasi dan usaha gigih yang telah memungkinkan pencapaian penting berkenaan.

Hull 211 menjadi simbol kemajuan bagi Anson International, tenaga kerjanya serta industri maritim NBD. Projek tersebut mencerminkan usaha berterusan dalam memperkukuh keupayaan industri, menggalakkan pemindahan pengetahuan serta menyokong pembangunan ekonomi negara.

Sehubungan itu, Anson International menzahirkan penghargaan kepada semua rakan kerjasama, pihak berkepentingan dan para jemputan atas kepercayaan serta kerjasama berterusan, di samping berharap pelaksanaan projek ini akan berjalan lancar dan membuka laluan kepada lebih banyak pencapaian pada masa hadapan.

Turut hadir, pegawai kanan kerajaan, pemimpin industri, wakil diplomatik serta pihak berkepentingan projek, mencerminkan sokongan kukuh di peringkat nasional dan antarabangsa terhadap pembangunan berterusan sektor maritim dan perindustrian NBD.



**INTERIM General Manager of Anson International, Awang Haji Musa bin Haji Adnin ketika berucap.**

# Doa Selamat bagi 17 pegawai, kakitangan MOFE



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada para penerima.

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 April. - Seramai 17 pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) akan menunaikan ibadah haji bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Sehubungan itu, Majlis Doa Selamat Bakal-bakal Jemaah Haji telah diadakan pagi tadi di Dewan Teater, kementerian berkenaan di Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, serta pegawai dan kakitangan kementerian termasuk dari BDCB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Lembaga Tawaran Negara (LTN), Dayang Nurul Izzah binti Haji Abdul Kahar, selaku Pengerusi Majlis.

Seterusnya, majlis disusuli dengan Ceramah Khas bertajuk 'Lambaian Baitullah' yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sumbangan derma kepada bakal jemaah haji yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan, yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis keagamaan seumpama berkenaan merupakan aktiviti tahunan MOFE sebagai tanda penghargaan dan sokongan kepada pegawai serta kakitangan yang akan menunaikan Rukun Islam kelima berkenaan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh LTN, MOFE.

# HUAWEI TECHNOLOGIES RASMIKAN SMART & GREEN OFFICE




YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi melancarkan secara rasmi Smart & Green Office.

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 April. - Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd. (Huawei) pagi tadi melancarkan secara rasmi Smart & Green Office, menandakan satu pencapaian penting dalam komitmennya untuk memacu inovasi lestari dan transformasi digital di Negara Brunei Darussalam.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir ialah bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China, Chen Shaochun, serta Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid bersama wakil jabatan kerajaan, rakan industri strategik dan pihak media.

Juga hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd., Louis Lou Yang.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengarah Urusan dan Ahli Lembaga Huawei International Pte. Ltd., Frank Guo, yang menegaskan komitmen berterusan syarikat itu terhadap Brunei serta visinya untuk membina dunia yang saling berhubung dan pintar.

Beliau menyatakan bahawa Huawei kekal komited untuk membawa teknologi digital kepada setiap individu, rumah dan organisasi, sambil menekankan bahawa perjalanan syarikat di Brunei bukan sekadar mengenai teknologi, tetapi juga kerjasama, inovasi dan kemajuan bersama.

Dalam ucapannya, beliau turut mengetengahkan kekuatan global Huawei yang kini mempunyai lebih 213,000 pekerja di seluruh dunia, dengan lebih separuh daripadanya terlibat dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

Huawei juga terus melabur lebih 20 peratus daripada hasil tahunan ke dalam R&D, termasuk kira-kira USD27 bilion pada tahun lalu.

Frank Guo turut menyentuh perkembangan ekosistem teknologi Huawei yang semakin meluas, merangkumi infrastruktur ICT, pelaksanaan 5G-Advanced di lebih 300 bandar, pembangunan sistem operasi HarmonyOS, pengkomputeran awan, penyelesaian kuasa digital dan teknologi automotif pintar.

Menyentuh mengenai Kecerdasan Buatan (AI), beliau menekankan fokus strategik Huawei dalam membangunkan ekosistem AI menyeluruh, dengan penekanan terhadap kuasa pengkomputeran, rangkaian dan data sebagai elemen utama dalam era digital masa kini.

Di peringkat tempatan, Frank Guo memaklumkan bahawa Huawei telah menyokong pembangunan digital negara sejak 2003, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, melalui penyediaan penyelesaian menyeluruh dalam bidang sambungan, awan, pengkomputeran dan kuasa digital bagi membangunkan infrastruktur yang selamat, cekap dan lestari.

Smart & Green Office ini berfungsi sebagai platform pameran inovasi terkini Huawei, menggabungkan sistem berasaskan AI, alat kolaborasi pintar serta teknologi cekap tenaga.

Ia direka untuk meningkatkan produktiviti sambil mengurangkan kesan terhadap alam sekitar, selaras dengan komitmen syarikat terhadap pembangunan hijau.

Majlis turut diserikan dengan demonstrasi secara langsung termasuk pameran robotik dan aplikasi pejabat pintar, yang memberi pengalaman interaktif kepada para tetamu mengenai penyelesaian pintar Huawei.

Pejabat ini turut dilengkapi sistem pengurusan tenaga canggih, pencahayaan pintar dan penyelesaian penyejukan yang dioptimumkan bagi mengurangkan pelepasan karbon serta meningkatkan kecekapan operasi, di samping mewujudkan persekitaran kerja moden yang menyokong kolaborasi digital.

Pelancaran ini mencerminkan komitmen berterusan Huawei dalam menyokong transformasi digital dan pembangunan mampan di Brunei. Berpandukan visi tempatan 'In Brunei, For Brunei. Embracing a digital, green and sustainable future together'.

Huawei akan terus bekerjasama rapat dengan agensi kerajaan dan rakan industri dalam mempercepatkan inovasi serta membina masa depan yang inklusif, pintar dan hijau.

## Majlis keagamaan sempena Hari Sedunia bagi Keselamatan, Kesihatan Tempat Kerja



**SUASANA pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Bacaan Ratib Al-Attas yang diadakan di Masjid Ash Shaliheen.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 April. – Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah menganjurkan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Bacaan Ratib Al-Attas yang berlangsung di Masjid Ash Shaliheen, hari ini.

Majlis berkenaan diadakan bersempena dengan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026 serta pelancaran Bulan Keselamatan 2026 pada kali ini.

Majlis keagamaan yang penuh keberkatan itu menghimpunkan para peserta dalam suasana penuh kekhusyukan bagi memohon keberkatan serta perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah SHENA.

Bacaan Ratib Al-Attas dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid di Masjid Ash-Shaliheen, Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah.

Penganjuran majlis ini turut didedikasikan sebagai usaha memohon perlindungan agar dijauhkan daripada sebarang kemalangan maut, kecederaan serta penyakit berkaitan tempat kerja di Negara Brunei Darussalam (NBD), di samping mendoakan agar seluruh tenaga kerja negara sentiasa dikurniakan keselamatan, kesejahteraan dan keberkatan.

Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah SHENA, Pengurusan Kanan SHENA, para kakitangan SHENA serta para pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Melalui penganjuran majlis keagamaan yang bermakna ini, SHENA menegaskan lagi komitmennya dalam memperkukuh budaya keselamatan dan kesihatan yang mantap di NBD. Komitmen ini dilaksanakan bukan sahaja melalui dasar, penguatkuasaan dan pelaksanaan program kesedaran, malah turut merangkumi pendekatan holistik yang menitikberatkan nilai kerohanian serta kesejahteraan bersama.

# BEKERJASAMA ERAT MENGEKALKAN KEAMANAN, MEMPERKUKUH KETAHANAN EKONOMI




**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II selaku Penyelaras Negara bagi Hubungan Dialog ASEAN - EU semasa berucap pada Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN-Kesatuan Eropah (EU) Ke-25 dan seterusnya bergambar ramai (kanan dan atas).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**




**BERAKAS**, Selasa, 28 April.- ASEAN dan Kesatuan Eropah (EU) bersetuju untuk memperkukuh kerjasama strategik dalam mendepani cabaran global, termasuk usaha ke arah merealisasikan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang lebih bercita-cita tinggi antara kedua-dua rantau.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, selaku Penyelaras Negara bagi Hubungan Dialog ASEAN - EU, yang mempengerusikan Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN-Kesatuan Eropah (EU) Ke-25 menyifatkan perkongsian berkenaan sebagai satu pilihan strategik memandangkan tiada rantau yang mampu menangani cabaran global secara bersendirian dalam dunia hari ini.

"Hubungan kita kukuh dan membuahkan hasil yang nyata. Hari ini, kita bersetuju untuk bekerjasama dengan lebih erat bagi mengekalkan keamanan dan memperkukuh ketahanan ekonomi.

"Bagi ASEAN, terdapat minat yang jelas untuk merealisasikan FTA antara kedua-dua pihak. ASEAN percaya asas-asasnya telah pun tersedia dan tugas sekarang adalah untuk membina momentum ini untuk melangkah ke hadapan," kata Yang Berhormat dalam satu kenyataan media hari ini.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menjelaskan, kedua-dua belah pihak turut meningkatkan kerjasama dalam bidang keselamatan bagi menangani ancaman siber dan jenayah rentas sempadan yang memberi kesan langsung kepada keselamatan rakyat serta kepercayaan terhadap institusi.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai kepentingan ekonomi digital dan peralihan tenaga, selain mengalu-alukan sokongan EU terhadap Grid Kuasa ASEAN (ASEAN Power Grid) yang merupakan kunci kepada keselamatan tenaga serantau.

"Di teras hubungan ASEAN - EU adalah rakyat kita sendiri merangkumi para pelajar, profesional, perniagaan dan penyelidik. Justeru, kita mahu melihat lebih banyak pertukaran dan mobiliti yang membawa kedua-dua rantau ini lebih dekat bersama," ujar Yang Berhormat.

Mengulas mengenai isu geopolitik, Yang Berhormat berkata, mesyuarat turut mengadakan pertukaran pandangan secara telus mengenai hal ehwal serantau global termasuk situasi di Ukraine serta perkembangan di Timur Tengah yang melibatkan Gaza, Lubnan dan Republik Islam Iran.

Tegas Yang Berhormat lagi, dalam mendepani ketidaktentuan dunia, ASEAN dan EU berpegang kepada prinsip yang sama serta percaya kepada undang-undang antarabangsa berasaskan peraturan.

"Kini, lebih daripada sebelumnya, ASEAN dan EU mempunyai tanggungjawab untuk bertindak sebagai tunjang kestabilan dan kebolehramalan. Oleh itu, kita perlu lebih banyak bekerjasama secara inklusif bagi memupuk kepercayaan dan rasa hormat antara satu sama lain," kata Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menjelaskan, ASEAN dan EU kini sedang membuat persiapan bagi menyambut Ulang Tahun Ke-50 hubungan antara kedua-dua rantau yang akan diraikan pada 2027

Tambah Yang Berhormat, mesyuarat kali ini telah memberikan momentum yang kukuh dan kedua-dua belah pihak optimistik terhadap pencapaian yang dapat direalisasikan melalui kerjasama yang dibuat.




**ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN-Kesatuan Eropah (EU) Ke-25 di Pusat Persidangan Antarabangsa.**

## Memperkukuh kerjasama merentasi tonggak politik-keselamatan, ekonomi, sosiobudaya

**BERAKAS**, Selasa, 28 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini menghoskan Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN-Kesatuan Eropah (EU) Ke-25 di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, selaku Penyelaras Negara bagi Hubungan Dialog ASEAN - EU; dan Wakil Tertinggi bagi Hal Ehwal Luar Negeri dan Dasar Keselamatan EU merangkap Naib Presiden Suruhanjaya Eropah, Puan Yang Terutama Kaja Kallas.

Mesyuarat berkenaan dihadiri oleh Menteri-menteri Luar Negeri dan wakil-wakil dari Negara-negara Anggota ASEAN dan EU serta Setiausaha Agung ASEAN.

Semasa mesyuarat berkenaan, para menteri menegaskan semula kerjasama erat yang telah lama terjalin antara ASEAN dan EU
serta bertukar-tukar pandangan mengenai usaha memperkukuh kerjasama merentasi tonggak politik-keselamatan, ekonomi dan sosiobudaya.

Mesyuarat berkenaan juga telah meluluskan Kenyataan Bersama Menteri-menteri bagi Mesyuarat Menteri - menteri ASEAN-EU kali Ke-25.

Dalam ucapan pembukaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II menekankan hubungan kerjasama ASEAN - EU yang kukuh dan berkekalan yang telah dibina sejak hampir lima dekad berlandaskan kepentingan bersama serta komitmen terhadap keamanan serantau, pembangunan mampan dan multilateralisme.

Yang Berhormat turut menekankan perkembangan kerjasama yang berterusan merentasi ketiga-tiga tonggak Komuniti ASEAN termasuk dalam bidang keselamatan maritim, keselamatan siber, ekonomi digital, teknologi hijau, hubungan antara rakyat, serta daya tahan rantaian bekalan dan pendidikan tinggi.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan bahawa dalam keadaan ketidaktentuan global yang semakin meningkat serta ketegangan geopolitik, sistem antarabangsa berasaskan peraturan kini berdepan tekanan yang ketara, dan pendekatan untuk mengekalkan keadaan sedia ada tidak lagi memadai.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat mengulangi kepentingan pelaksanaan undang-undang antarabangsa secara konsisten dan tanpa diskriminasi, memandangkan ASEAN dan EU mempunyai tanggungjawab serta keupayaan untuk berperanan sebagai tunjang dalam memastikan kestabilan serta mewujudkan persekitaran yang lebih teratur dan dapat dijangka.

Menteri-menteri ASEAN dan EU juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa, termasuk situasi di Ukraine dan Timur Tengah, yang melibatkan Gaza, Lubnan dan Republik Islam Iran serta menegaskan semula komitmen bersama untuk mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini dan di peringkat global.

Mesyuarat berkenaan turut menantikan Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Dialog ASEAN - EU pada 2027, dan menyatakan keyakinan terhadap pengukuhan berterusan kerjasama erat antara ASEAN dan EU.



قليتا بروني PELITA BRUNEI

# Bolehkah Berwudhu' Atau Mandi Menggunakan Air Zamzam?

IRSYAD HUKUM

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

KELUARAN KEDUA

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**IMAM an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab al-Majmu' ada menyebut satu riwayat daripada Imam Ahmad *Rahimahullah* yang berpendapat bahawa mandi menggunakan air zamzam adalah makruh kerana al-'Abbas *Radhiallahu 'anhu* ketika berada berhampiran air zamzam pernah berkata bahawa dia tidak membenarkan air zamzam digunakan untuk mandi, sebaliknya hanya membenarkannya untuk diminum sahaja. Namun para ulama asy-Syafi'i *Rahimahumullah* mengandaikan bahawa larangan al-'Abbas *Radhiallahu 'anhu* itu adalah ketika kesempitan air zamzam sahaja kerana ramai yang hendak meminumnya.**

**OLEH** kerana air zamzam mempunyai banyak kelebihan dan mempunyai kedudukan yang utama, maka sebahagian orang beranggapan bahawa air zamzam tidak boleh digunakan melainkan untuk diminum sahaja demi menjaga kemuliaannya. Timbul persoalan, apakah hukumnya jika air zamzam digunakan untuk berwudhu' bagi jemaah yang berada di padang 'Arafah berwudhu' menggunakan air zamzam kerana hendak mengerjakan sembahyang dalam keadaan bekalan air di padang 'Arafah terputus? Bagaimana pula hukum mandi menggunakan air zamzam bagi jemaah yang berhajat untuk menyejukkan badannya kerana cuaca di padang 'Arafah yang sangat panas sedangkan bekalan air di sana terputus dan air yang ada di sisinya hanya air zamzam?

Pada dasarnya, berwudhu' dan mandi dengan air zamzam adalah tidak dilarang sebagaimana penjelasan Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam kitabnya al-Majmu' :

Ertinya : *Dan adapun (air) zamzam, maka (menurut) mazhab jumhur (ulama) sama seperti (pendapat) mazhab kami bahawa sesungguhnya tidak dilarang berwudhu' dan mandi dengannya (air zamzam).*

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berpendapat sedemikian berdalilkan nas-nas *shahih* yang jelas lagi umum tentang air yang boleh digunakan untuk bersuci tanpa membezakan air-air tersebut dengan air zamzam, dan orang-orang Islam juga masih berwudhu' dengan air zamzam tanpa ada yang mengingkari perbuatan tersebut.

Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Iqna' fi Hall Alfazh Abi Syuja' juga menjelaskan bahawa air dari telaga zamzam termasuk dalam maksud air perigi yang dibolehkan bersuci dengannya kerana Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* juga pernah berwudhu' daripada perigi zamzam sebagaimana penjelasan beliau :

**Ertinya** : *Merangkumi keumuman (maksud) perigi itu (termasuk) perigi zamzam, kerana sesungguhnya Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam telah berwudhu' daripadanya (perigi zamzam).*

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab al-Majmu' ada menyebut satu riwayat daripada Imam Ahmad *Rahimahullah* yang berpendapat bahawa mandi menggunakan air zamzam adalah makruh kerana al-'Abbas *Radhiallahu 'anhu* ketika berada berhampiran air zamzam pernah berkata bahawa dia tidak membenarkan air zamzam digunakan untuk mandi, sebaliknya hanya membenarkannya untuk diminum sahaja. Namun para ulama asy-Syafi'i *Rahimahumullah* mengandaikan bahawa larangan al-'Abbas *Radhiallahu 'anhu* itu adalah ketika kesempitan air zamzam sahaja kerana ramai yang hendak meminumnya.

Oleh yang demikian, berdasarkan semua penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa hukum berwudhu' dan mandi menggunakan air zamzam pada dasarnya adalah tidak dilarang. Meskipun demikian, pada waktu kesempitan air zamzam umpamanya air zamzam terhad dan ramai yang berhajat untuk meminumnya, maka sebaiknya air zamzam itu tidak digunakan melainkan untuk diminum sahaja.

Selain mematuhi ketetapan hukum mengenai penggunaan air zamzam, masyarakat juga hendaklah mematuhi peraturan dan ketetapan semasa daripada pihak berkuasa setempat berkaitan tujuan penyediaan air zamzam tersebut. Sekiranya air zamzam di Makkah atau di Madinah atau di mana-mana tempat itu disediakan khas untuk tujuan minuman sahaja, maka hendaklah air zamzam itu digunakan untuk diminum sahaja dan elakkan menggunakannya untuk perkara lain termasuk berwudhu' dan mandi. Bahkan jika air zamzam yang disediakan itu merupakan air *sabil* (diwakafkan) untuk diminum sahaja, maka ia haram digunakan selain daripada diminum.

**SELAIN mematuhi ketetapan hukum mengenai penggunaan air zamzam, masyarakat juga hendaklah mematuhi peraturan dan ketetapan semasa daripada pihak berkuasa setempat berkaitan tujuan penyediaan air zamzam tersebut. Sekiranya air zamzam di Makkah atau di Madinah atau di mana-mana tempat itu disediakan khas untuk tujuan minuman sahaja, maka hendaklah air zamzam itu digunakan untuk diminum sahaja dan elakkan menggunakannya untuk perkara lain termasuk berwudhu' dan mandi. Bahkan jika air zamzam yang disediakan itu merupakan air *sabil* (diwakafkan) untuk diminum sahaja, maka ia haram digunakan selain daripada diminum.**

Pengkhususan penggunaan air zamzam sedemikian daripada pihak berkuasa setempat itu mungkin sahaja bertujuan untuk menjaga maslahat umum, contohnya mengehadkan penggunaan air zamzam hanya untuk diminum itu supaya bekalan minuman mencukupi untuk semua jemaah. Pihak berkuasa setempat layak melakukan sedemikian demi menjaga maslahat umum sesuai kaedah fiqh :

**Ertinya** : *Tindakan yang diambil oleh Imam (ketua pemerintah) ke atas rakyat hendaklah didasari dengan maslahat.*

Adapun maksud tidak dilarang mandi menggunakan air zamzam di atas adalah khusus untuk mandi orang yang hidup sahaja. Manakala mandi mayat menggunakan air zamzam adalah *khilaf al-awla* (menyalahi yang utama) sebagaimana penjelasan Imam asy-Syibramallisi *Rahimahullah* ketika mensyarah kitab Nihayah al-Muhtaj :

**Ertinya** : *Maka adalah memandikan (mayat) dengannya (air zamzam) menyalahi yang utama.*

Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj juga menjelaskan bahawa penggunaan air zamzam untuk memandikan mayat hendaklah dihindari kerana terdapat perselisihan pendapat dalam permasalahan kenajisan mayat sama ada ia najis ataupun tidak sebagaimana kata beliau :

**Ertinya** : *Dan hendaklah menghindari air zamzam (untuk dimandikan kepada mayat) kerana (terdapat) perselisihan pendapat dalam (permasalahan) kenajisan mayat.*

Demikian penjelasan mengenai persoalan bolehkah berwudhu' atau mandi menggunakan air zamzam.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلوأن قوسة دعوه اسلاميه

# Buli merosak martabat kemanusiaan

**BULI** adalah perilaku yang dilakukan oleh seseorang atau sekelompok orang dengan tujuan melukai atau merendahkan individu lain melalui tindakan fizik, lisan, atau emosional. Tindakan ini dapat terjadi di berbagai tempat, termasuk di lingkungan sekolah, tempat kerja, bahkan dalam lingkungan keluarga.

Tindakan buli dianggap sebagai perbuatan yang sangat tercela. Islam adalah agama yang menghormati nilai-nilai kemanusiaan, termasuk prinsip untuk menghormati dan peduli terhadap sesama manusia.

Justeru itu, Islam melarang segala bentuk perilaku yang dapat menyakiti atau merendahkan orang lain, termasuk pembulian. Hal ini sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujuraat ayat 11, mafhumnya :

*"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi (kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu saling mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil memanggil dengan gelaran yang buruk*".

Perbuatan mengejek, menghina, merendahkan seseorang apalagi melukai fizik orang lain merupakan satu kekejaman yang amat ditegah Islam. Kerana mungkin orang yang menjadi sasaran ejekan atau hinaan justeru memiliki martabat yang lebih tinggi daripada yang mengejek.

Dalam segala konteks, penghinaan adalah perbuatan yang sangat tercela kerana dapat menyakiti perasaan orang lain terutama jika perbuatan tersebut terjadi di depan umum.

Demikian juga buli, baik dalam dunia nyata mahupun dalam lingkungan maya yang mencakup penghinaan, ujaran kebencian, celaan, sumpah serapah, atau tindakan fizik terhadap pihak lain adalah tindakan yang keji.

Islam mengharamkan buli kerana ianya merupakan perilaku yang melukai perasaan orang lain dan dapat merosak martabat kemanusiaan. Terlepas dari alasan apa pun, Islam secara tegas melarang umatnya melakukan buli. Bagi para pelaku yang telah melakukan buli, mereka seharusnya meminta maaf kepada mangsa buli agar dosa-dosa mereka diampuni oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Islam sangat melarang segala bentuk kezaliman, penganiayaan, penindasan mahupun apa jua perkara yang boleh mengganggu ketenteraman dan kesejahteraan sebagaimana Imam Muslim meriwayatkan dalam kitab sahihnya daripada Ibnu 'Umar Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, yang bermaksud :

"*Seorang Muslim adalah saudara bagi Muslim yang lain, dia tidak menzaliminya dan tidak membiarkannya dizalimi*".

Islam menuntut umatnya untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan saudara-saudara di sekelilingnya. Justeru itu, buli secara jelas adalah satu perbuatan yang sangat bertentangan dengan prinsip dan ajaran Islam kerana Islam sangat menggalakkan dan mengutamakan kasih sayang sesama insan dan tolong-menolong, serta tidak menyakiti orang lain.

# DOA SELAMAT RAIKAN BAKAL JEMAAH HAJI KSSUP

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 27 April. - Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Majlis Doa Selamat bagi bakal-bakal jemaah haji terdiri daripada warga kementerian berkenaan serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Bilik VIP, Bangunan KSSUP, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis pagi tadi dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Menteri Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada seramai lima bakal jemaah haji.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya bergambar ramai.**

# Mewujudkan persekitaran selamat, inklusif, responsif

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 27 April. - Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin telah menyertai Mesyuarat Penyelarasan Komiti Parlimen Wanita AIPA Ke-5 (5th Coordinating Committee Meeting of Women Parliamentarians of AIPA - WAIPA) secara dalam talian hari ini.

Mesyuarat yang bertemakan Advancing Gender-Transformative Parliaments Towards a Future Ready and Inclusive ASEAN Community dianjurkan oleh Dewan Perwakilan Rakyat Republik Filipina (House of Representatives of the Republic of the Philippines) dengan objektif bagi menyokong Mesyuarat Komiti WAIPA sewaktu Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Ke-47 di Manila nanti.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty dalam kenyataannya telah menekankan bahawa selaras dengan Wawasan Brunei 2035, pembangunan inklusif, kesejahteraan sosial dan pembangunan modal insan kekal sebagai teras utama agenda Negara Brunei Darussalam (NBD).

Yang Berhormat juga telah menggariskan beberapa bidang berkeutamaan termasuk bagi mewujudkan persekitaran yang selamat, inklusif dan responsif, khususnya dalam menghadapi cabaran semasa dan juga bagi memperkukuh kepimpinan dan penyertaan wanita melalui pendidikan, pembangunan kapasiti dan sokongan berterusan dalam semua peringkat kepimpinan.

Manakala itu, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, telah mengongsikan pencapaian-pencapaian NBD berkaitan pelaksanaan Rangka Kerja Penyertaan Politik dan Kepimpinan Wanita WAIPA 2024-2030 (Implementation Framework of The WAIPA Women's Political Participation and Leadership 2024-2030) yang telah diluluskan pada Oktober 2024, antaranya pengendalian dialog parlimen kebangsaan 'National Parliamentary Dialogue on Promoting Women's Political Participation and Leadership (WPPL)' pada 18 Jun 2025 yang lalu.

Seterusnya, Yang Berhormat telah menekankan pendekatan tersusun dalam memperkukuh penyertaan dan kepimpinan wanita melalui penglibatan aktif bersama masyarakat di samping memperkasa pembangunan kapasiti yang berterusan yang mencerminkan komitmen berterusan ke arah meningkatkan penyertaan wanita secara inklusif dan mampan dalam kepimpinan.

Ahli-ahli MMN juga telah berkesempatan untuk bertukar-tukar pandangan dan amalan terbaik semasa berlangsungnya sesi-sesi dialog bertajuk 'Catalyst for Change: How Women Drive Parliamentary Transformation' dan 'Accelerating Women 's Economic Leadership Through Gender-Responsive Mirco, Small and Medium Enterprise Policies' pada mana ahli-ahli panel daripada perwakilan pertubuhan antarabangsa termasuk Pertubuhan Wanita Bangsa-bangsa Bersatu (UN Women) dan pertubuhan nasional dari Republik Filipina termasuk Philippine Commission on Women dan The Institute on Social Entrepreneurship in Asia (ISEA).




**YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa menyertai Mesyuarat Penyelarasan Komiti Parlimen Wanita AIPA Ke-5 (5th Coordinating Committee Meeting of Women Parliamentarians of AIPA - WAIPA) secara dalam talian.**

# Bincang isu semasa dalam hubungan ASEAN-Kesatuan Eropah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**WAKIL Tertinggi bagi Hal Ehwal Luar Negeri dan Dasar Keselamatan Kesatuan Eropah merangkap Naib Presiden Suruhanjaya Eropah, Puan Yang Terutama Kaja Kallas semasa menyertai sesi dialog eksklusif bersama para pelajar UBD.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 April. - Wakil Tertinggi bagi Hal Ehwal Luar Negeri dan Dasar Keselamatan Kesatuan Eropah merangkap Naib Presiden Suruhanjaya Eropah, Puan Yang Terutama Kaja Kallas petang tadi mengadakan lawatan ke Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Ketibaan Puan Yang Terutama di Pro-Chancellor Arts Centre dialu-alukan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle serta ahli pengurusan kanan UBD, dan para pelajar UBD.

PYT menyertai satu dialog eksklusif bersama para pelajar UBD bagi membincangkan isu semasa dalam hubungan ASEAN-Kesatuan Eropah.

Sejurus selepas dialog berkenaan, PYT kemudian mengadakan lawatan ke Pusat Penyelidikan Botani (BRC) UBD dan seterusnya menanam sepohon pokok peringatan dengan nama saintifik Gymnostoma Nobile (Whitmore) L.A.S.Johnson, juga dikenali sebagai Bornean Rhu.

BRC telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 3 Februari 2018 dan ditubuhkan bersempena Simposium Antarabangsa Pertama mengenai Etnobotani dalam Al-Quran dan Hadis – Eksplorasi.

Pusat berkenaan terletak di kawasan tanah Kerangas (Hutan Paya Heath) semula jadi dan menempatkan kira-kira 200 spesies di dalam rumah hijau serta 100 spesies lagi di sepanjang denai alam semula jadi, dengan lebih banyak spesies masih dalam proses pengenalpastian.

BRC terlibat dalam penyelidikan translasi yang memberi tumpuan kepada tumbuhan ubatan, dengan hasil kajian yang memberi manfaat kepada masyarakat luas, termasuk pengamal herba, penyelidik dan pelajar.

Lawatan berkenaan diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada PYT, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

# MENTERI PENDIDIKAN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan





YANG Berhormat Menteri Pendidikan menerima kunjungan hormat daripada Menteri Pendidikan Republik Finland, Tuan Yang Terutama Anders Adlercreutz (atas). Sementara gambar kanan, TYT semasa mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Rimba III.

**BERAKAS**, Selasa, 28 April. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh telah menerima kunjungan hormat daripada Menteri Pendidikan Republik Finland, Tuan Yang Terutama Anders Adlercreutz, bertempat di Bilik At-Taqwa, Pejabat Menteri Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Berakas.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua menteri telah bertukar pandangan mengenai keutamaan utama dalam bidang pendidikan di negara masing-masing serta meneroka peluang untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang pendidikan.

Kedua-dua pihak turut menyatakan penghargaan terhadap perbincangan yang diadakan dan berharap agar penglibatan serta kerjasama ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang.

Tuan Yang Terutama Anders Adlercreutz juga berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke Sekolah Rendah Rimba III, di mana TYT diperkenalkan kepada beberapa pameran pendidikan termasuk Micro:bit dan pengekodan, STEAM Education and Skills (SES) serta aktiviti Keperluan Pendidikan Khas (SEN).

Lawatan tersebut memberikan peluang yang bermakna untuk meninjau amalan pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah serta berinteraksi secara langsung dengan para pelajar dan tenaga pengajar.

TYT kini berada di Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri 25th ASEAN-EU Ministerial Meeting, yang dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

# Membarigakan konsep Wasatiyah, kesederhanaan dalam Islam

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga merupakan Ahli Majlis KUPU SB hadir selaku tetamu kehormat majlis.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 April. - Kefahaman yang jelas terhadap maksud Wasatiyah sangat penting lebih-lebih dalam keadaan dunia yang berdepan dengan pelbagai pandangan ideologi mahupun kemajuan teknologi agar kita tidak terbabas daripada landasan yang betul, sebagaimana yang telah digariskan dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Tidak syak lagi, konsep Wasatiyah yang berpandukan kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah itu berupaya menangkis sebarang stigma negatif sekali gus memberikan impak positif berpanjangan dalam keharmonian beragama dan kesejahteraan bernegara di Negara Brunei Darussalam.

Perkara berkenaan merupakan inti pati yang diutarakan dalam Nadwah Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah Kali Ke-5, yang berlangsung pagi tadi di Dewan Tadris, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, yang juga merupakan Ahli Majlis KUPU SB.

Turut hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan KUPU SB serta para peserta nadwah.

Nadwah bertemakan 'Pengukuhan Konsep Wasatiyah Dalam Berugama' berkenaan mengetengahkan tiga ahli panel, iaitu Penolong Kanan Profesor, Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan KUPU SB, Dr. Ahmad Yunus bin Kasim; Profesor Madya Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Kamaluddin Nurdin Marjuni; dan Timbalan Pengarah, Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah KUPU SB, Awang Haji Mohd. Azmi bin Haji Omar.

Program dipengerusikan oleh Awang Abdul Hakim bin Dr. Haji Roslan, alumni KUPU SB.

Nadwah kelolaan Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah KUPU SB dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama berkenaan antara lain bertujuan untuk membarigakan konsep Wasatiyah atau kesederhanaan dalam Islam, di samping memupuk kesedaran akan kepentingan kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah dalam kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara.

# Pastikan persekitaran kerja selamat demi kesejahteraan rakyat

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri melancarkan Dasar Kebangsaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

**ANGGEREK DESA**, Selasa, 28 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini mencatatkan satu pencapaian penting di peringkat kebangsaan dalam memperkukuh keselamatan dan kesihatan di tempat kerja menerusi pelancaran rasmi, Dasar Kebangsaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP).

Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) semasa Majlis Pembukaan Bulan Keselamatan 2026, yang diadakan sempena Sambutan Hari Sedunia Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2026 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan D&T, Anggerek Desa.

Pelancaran ini mencerminkan komitmen teguh negara dalam mewujudkan tempat kerja yang lebih selamat, sihat dan berdaya tahan serta memperkukuh budaya keselamatan di peringkat kebangsaan.

Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian dalam ucapannya menegaskan bahawa ratifikasi NBD terhadap Promotional Framework for Occupational Safety and Health Convention, 2006 (No. 187) pada tahun 2024 mencerminkan iltizam kukuh negara dalam mempertingkatkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat melalui kerangka perundangan yang mantap, institusi yang berkesan serta penambahbaikan berterusan yang dipacu menerusi kerjasama tiga pihak.

Yang Mulia Dato seterusnya menekankan bahawa Dasar Kebangsaan KKP ini melambangkan komitmen bersama dan berterusan antara kerajaan, majikan dan pekerja dalam mempertingkatkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di seluruh NBD.

Yang Mulia Dato turut menyatakan harapan agar dasar ini dapat menjadi pemangkin kepada kemajuan yang mampan dalam usaha memperkukuh standard keselamatan dan kesihatan di tempat kerja di peringkat kebangsaan.

"Tema tahun ini, 'Persekitaran Kerja Psikososial yang Baik : Laluan ke arah Pekerja yang Maju dan Organisasi yang Kukuh', menandakan perkembangan penting dalam agenda keselamatan dan kesihatan negara kita. Walaupun kita telah mencapai kemajuan yang mantap dalam menguruskan risiko fizikal dan operasi, kita kini mesti memberi perhatian yang sama kepada dimensi psikososial kerja yang mempunyai kesan langsung dan boleh diukur terhadap keselamatan, produktiviti dan daya tahan organisasi.

"Risiko psikososial seperti beban kerja yang berlebihan, peranan yang tidak jelas, gangguan di tempat kerja dan tekanan yang berpanjangan, bukanlah kebimbangan abstrak. Ia mempengaruhi pertimbangan, menjejaskan prestasi dan meningkatkan kemungkinan kemalangan dan kesilapan. Dalam hal ini, kesejahteraan mental mesti diiktiraf sebagai komponen penting dalam keselamatan tempat kerja dan tidak dianggap sebagai isu sekunder atau terpencil.

"Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara konsisten menekankan kepentingan kesejahteraan holistik, termasuk kesihatan mental, melalui pendekatan yang terselaras dan inklusif.

>> Muka 18

# PUSAT BAHASA KUPU SB TERIMA ACPU 2025



RA'ES KUPU SB hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada penerima.

**Oleh : Nurdiyanah Rajami**
**Foto : Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**

Bacaan PSI kurang daripada 50 adalah bagi keadaan kualiti udara baik. Bacaan PSI di antara 50 dan 100 adalah sederhana.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai bahawa pada bacaan PSI sederhana (di antara 50 dan 100), mereka yang tidak mempunyai masalah kesihatan bolehlah melakukan aktiviti luar, manakala bagi kanak-kanak, wanita mengandung, warga tua dan mereka yang menghidap penyakit asma, penyakit paru-paru dan penyakit jantung, atau mempunyai alahan kepada debu adalah dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti fizikal di luar rumah. Orang ramai yang mengalami gejala seperti batuk berpanjangan atau sesak nafas adalah dinasihatkan untuk berjumpa doktor di pusat kesihatan terdekat.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) sentiasa terus memantau situasi dari semasa kesemasa. Orang ramai akan dimaklumkan mengenai dengan kualiti udara melalui stesen-stesen Radio Televisyen Brunei (RTB), laman sesawang dan Instagram jabatan.

Orang ramai dinasihatkan untuk segera menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui Talian Kecemasan 995 sekiranya berlaku sebarang kejadian kebakaran hutan atau rumput.

Dalam masa yang sama, orang ramai juga dinasihatkan agar tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka atau apa-apa aktiviti lain yang boleh memburukkan keadaan, terutamanya semasa musim kering.

Orang ramai boleh menghubungi Hotline e-Darussalam 123 bagi sebarang aduan mengenai pembakaran terbuka dan untuk mendapatkan sebarang maklumat dan nasihat kesihatan.

Maklumat lanjut mengenai bacaan PSI boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang *www.env.gov.bn* dan Instagram *@jastre.bn*; manakala maklumat dan nasihat kesihatan juga boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang *www.moh.gov.bn* atau Instagram rasmi Kementerian Kesihatan.

Maklumat cuaca terkini boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih Brunei WX, atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114.

Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* serta mengikuti saluran rasmi di Facebook *@bruneiweather*, Instagram *@brunei.weather*, Telegram dan WhatsApp *Brunei Weather*.



# MINDA PEMBACA

## Ketagihan telefon pintar dalam kalangan remaja

**TELEFON** pintar kini telah menjadi teman paling setia remaja, hadir setiap masa, di mana-mana jua. Jika dahulu, *gadget* ini dianggap kemewahan, hari ini ia sudah menjadi keperluan harian yang sukar dipisahkan. Namun, apabila penggunaan melampaui batas yang wajar, ia tidak lagi sekadar alat komunikasi, ia menjadi rantai yang mengikat potensi generasi muda tanpa mereka sedari.

Kesan paling nyata ketagihan telefon pintar ialah kemerosotan tumpuan dan prestasi akademik. Remaja yang menghabiskan berjam-jam menatal media sosial atau bermain permainan dalam talian sering mengabaikan tanggungjawab pelajaran mereka. Masa yang berharga terhakis tanpa disedari, manakala kemampuan untuk berfikir secara mendalam dan kritis semakin lemah. Generasi yang sepatutnya menjadi pemikir masa depan berisiko menjadi pengguna pasif yang hanya disuap kandungan tanpa henti.

Lebih membimbangkan, ketagihan ini turut menghakis kesihatan mental remaja. Pendedahan berterusan kepada gambaran kehidupan yang tidak realistik di media sosial mencetuskan perasaan rendah diri dan kebimbangan yang tidak perlu. Kualiti tidur terjejas apabila telefon pintar dibawa ke bilik tidur, menjadikan remaja hadir ke sekolah dalam keadaan lesu dan tidak bersemangat. Hubungan sosial yang sebenar pun semakin renggang, digantikan interaksi maya yang cetek dan tidak bermakna.

Namun, teknologi itu sendiri bukan masalah, cara penggunaannyalah yang perlu dibetulkan. Ibu bapa perlu tampil sebagai model penggunaan teknologi yang sihat, bukan sekadar melarang tanpa panduan. Sekolah pula boleh memainkan peranan dengan menyerapkan literasi digital dalam kurikulum agar remaja memahami cara berinteraksi dengan teknologi secara sedar dan bertanggungjawab.

Remaja hari ini adalah pemimpin Brunei esok hari. Membiarkan mereka tenggelam dalam ketagihan skrin bermakna kita sedang merampas masa depan yang sepatutnya mereka miliki. Sudah tiba masanya kita bertindak, bukan dengan memusuhi teknologi, tetapi dengan memastikan teknologi berkhidmat kepada manusia, bukan sebaliknya.

**Nama : Muhammad Wafauddin bin Haji Abu Nipah**
**No. K/P : 01-065XXX**


## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kemudahan Awam'.** Tarikh Tutup **: 29 April 2026**
2. **'Nilai Masa Dalam Membentuk Kejayaan Individu'.** Tarikh Tutup **: 6 Mei 2026**
3. **'Peranan Pengguna Jalan Raya dalam Mengurangkan Kemalangan'.** Tarikh Tutup **: 13 Mei 2026**

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
**BND75**
SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

Pelita Brunei

# Pupuk persekitaran kerja yang selamat

Oleh : Norliah Md. Zain
Ilustrasi : Amdelah Haji Tujoh



HARI Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (World Day for Safety and Health at Work) jatuh pada setiap 28 April, merupakan satu inisiatif global yang dianjurkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (iaitu International Labour Organization atau ringkasannya ILO).

Objektif utamanya adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja serta menggalakkan sikap proaktif dalam mencegah kemalangan pekerjaan dan penyakit berkaitan pekerjaan di seluruh dunia.

Tujuan utama sambutan pula adalah untuk mengurangkan kemalangan dan penyakit berkaitan pekerjaan, mempromosikan budaya kerja yang selamat dan sihat dan meningkatkan kesedaran majikan dan pekerja tentang risiko di tempat kerja. Diharap sambutan ini dapat memupuk budaya keselamatan dan kesihatan yang berterusan yang mana ianya bukan hanya tanggungjawab satu pihak sahaja.

Pihak kerajaan, majikan mahupun pekerja itu sendiri semuanya berperanan untuk memastikan tempat kerja adalah selamat, sihat dan produktif. Apabila adanya peningkatan kesedaran dan semua pihak bekerjasama, risiko kemalangan dan penyakit pekerjaan akan nampak berkurang dengan berkesan.

Secara global, bukan sedikit pekerja mengalami kecederaan atau penyakit setiap tahun akibat kerja. Oleh itu sambutan ini mengingatkan semua pihak bahawa keselamatan bukan pilihan, tetapi keperluan. Pencegahan juga lebih baik daripada rawatan dan yang paling penting setiap pekerja berhak pulang ke rumah dengan selamat.

### Tema

Bagi tahun 2026, tema yang dipilih adalah menekankan kepentingan persekitaran kerja psikososial yang sihat, dengan menekankan kesejahteraan mental dan sosial para pekerja.

Tema ini menegaskan bahawa faktor seperti tekanan kerja, sokongan organisasi dan komunikasi yang berkesan memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran kerja yang menggalakkan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan secara keseluruhan.



Faktor seperti tekanan kerja, sokongan di tempat kerja dan komunikasi yang berkesan memainkan peranan besar dalam mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Kesimpulannya, sambutan ini adalah peringatan bahawa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah tanggungjawab bersama dengan kerjasama semua pihak kita melahirkan tenaga kerja yang berdaya tahan dan mampan.

### SHENA

Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) komited dalam membuat perubahan dan memastikan Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah tempat yang selamat untuk bekerja dan didiami. SHENA komited untuk memupuk budaya kerja yang lebih selamat, merentasi semua sektor pekerjaan.

SHENA merupakan sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah akta SHENA, Penggal 227 yang telah berkuat kuasa sejak April 2017. SHENA mengawal selia dan menguatkuasakan perkara yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan di tempat kerja serta menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Penggal 277.

Akta tersebut adalah berkenaan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja di tempat-tempat kerja dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya. Akta tersebut memastikan pihak yang mewujudkan risiko terhadap pekerja-pekerja atau orang ramai, aset atau persekitaran, akan mengurangkan risiko tersebut seboleh-bolehnya dengan munasabah.

Matlamat utama Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Penggal 277 ialah mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan iaitu mengurangkan risiko kemalangan dan kesihatan di tempat kerja dengan mengenal pasti dan mengawal bahaya.

Matlamat seterusnya ialah mewujudkan tanggungjawab bersama yang mana pihak berkepentingan mempunyai peranan untuk memastikan keselamatan di tempat kerja dan mengambil langkah proaktif untuk mengurangkan risiko.

Selain itu ia bagi meningkatkan budaya keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, iaitu meningkatkan kesedaran tentang keselamatan kerja melalui latihan dan pematuhan kepada prosedur keselamatan dan meningkatkan pendekatan pencegahan berbanding tindak balas terhadap kemalangan.

### Langkah

Sememangnya adalah penting mewujudkan persekitaran kerja psikososial yang sihat dan memberi manfaat kepada semua pihak. Antara langkah yang boleh diambil ialah memastikan beban kerja yang munasabah, menggalakkan komunikasi yang terbuka dan telus bersama pihak pengurusan dan pekerja serta memupuk budaya saling menghormati di tempat kerja.

Selain itu mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang pada tekanan di tempat kerja secara proaktif adalah amat penting. Ini termasuk mengambil kira tuntutan kerja yang berlebihan.

Selain itu menyediakan sokongan organisasi yang mencukupi dan serta menyelesaikan konflik di tempat kerja dengan segera. Dengan menangani perkara-perkara ini secara proaktif, organisasi dapat melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang melindungi dan meningkatkan kesihatan mental serta emosi para pekerja.

Persekitaran kerja yang positif dan menyokong bukan saja membantu meningkatkan kesejahteraan mental pekerja malah turut meningkatkan fokus produktiviti dan tahap keselamatan di tempat kerja. Apabila pekerja berada dalam keadaan mental yang baik, biasanya mereka lebih peka terhadap risiko dan lebih bersedia untuk menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

Bagi menyokong usaha ini, SHENA menggalakkan majikan untuk menerapkan pendekatan holistik dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja selaras dengan keperluan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Penggal 277. Pendekatan menyeluruh ini memastikan tempat kerja bukan saja sihat dari segi fizikal malah kondusif untuk kesejahteraan mental dan psikososial pekerja. Secara ringkasnya, kerjasama antara majikan dan pekerja adalah kunci utama dalam mewujudkan persekitaran tempat kerja yang sihat, selamat yang dan produktif di mana semua pihak dapat berkembang maju.

### Kesimpulan

Semua majikan dan pekerja di NBD hendaklah komited terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Setiap kemalangan dan penyakit pekerjaan sebenarnya boleh dicegah melalui peningkatan kesedaran komitmen dan kerjasama semua pihak.

# MEMPERKASA KEMAHIRAN PROFESIONAL, KOMUNIKASI SERTA KESIAPSIAGAAN PELAJAR

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali





**SUASANA pada Program Visionary Voyage : From Passion to Profession yang berlangsung selama dua hari (atas dan atas kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 April. - Badan Pelajar Undang-undang di bawah Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah (FUSHHB), dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OCeAN), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), baru-baru ini telah berjaya menganjurkan Program Visionary Voyage : From Passion to Profession yang berlangsung selama dua hari, iaitu pada Khamis, 23 April 2026 dan Sabtu, 25 April 2026.

Program berkenaan merangkumi empat pengisian utama, iaitu Bengkel CV Writing, Cover Letter and Interview, Bengkel Pengucapan Awam, sesi Mentor Clinic, serta forum kerjaya.

Program berkenaan bertujuan bagi memperkasa kemahiran profesional, komunikasi serta kesiapsiagaan pelajar dan alumni dalam menghadapi dunia pekerjaan yang semakin kompetitif.

Bengkel - bengkel dalam program berkenaan disampaikan oleh beberapa pegawai dari Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) dan alumni UNISSA.

Antara pengisian dalam bengkel-bengkel berkenaan ialah peserta didedahkan mengenai teknik menghadapi temu duga, termasuk sesi simulasi dan maklum balas secara langsung serta strategi menghasilkan dokumen permohonan kerja yang berkesan.

Peserta juga didedahkan mengenai teknik penyampaian yang berkesan dan kaedah meningkatkan keyakinan diri ketika berucap serta memberi peluang berinteraksi secara lebih dekat dengan para panel dan mendapatkan panduan kerjaya secara langsung.

Program berkenaan diteruskan dengan forum kerjaya bertajuk 'Understanding Workforce Realities : Career Strategies for UNISSA Students'. Forum berkenaan disampaikan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat 2, Unit Tenaga Manusia, Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohamad Adeeb bin Nazmi; dan Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat 1, PPB, Dayang Qairawani binti Haji Yacob.

Forum berkenaan memberi pendedahan mengenai realiti pasaran pekerjaan di Negara Brunei Darussalam, kemahiran yang diperlukan oleh majikan, serta strategi perancangan kerjaya yang berkesan.

Secara keseluruhannya, Program Visionary Voyage : From Passion to Profession telah berjaya mencapai objektif penganjurannya dalam menyediakan platform pembangunan kemahiran yang holistik, interaktif dan berimpak tinggi kepada para peserta.

Program berkenaan bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran diri, malah turut membina keyakinan serta memperluaskan perspektif peserta terhadap dunia kerjaya melalui perkongsian langsung daripada para profesional industri.

Selain itu, program berkenaan diharap dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan graduan yang berdaya saing, berkemahiran tinggi serta bersedia menghadapi cabaran alam pekerjaan pada masa hadapan, di samping mengukuhkan hubungan antara pelajar, alumni dan pihak industri.

# Program Sua Muka barigakan isu semasa, dasar kerajaan





**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan (atas). Manakala gambar atas kiri dan bawah kiri, sekitar Program Sua Muka yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, Mukim Bokok, Daerah Temburong.**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TEMBURONG**, Selasa, 28 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri terus melaksanakan usahanya untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.



Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Komunikasi Strategik, mengadakan Program Sua Muka bersama Ketua Kampung Bokok, Mukim Bokok, Daerah Temburong bertempat Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, Mukim Bokok, Daerah Temburong.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar, manakala rombongan Kampung Bukok, Mukim Bukok ialah Ketua Kampung Bokok Temburong, Abdul Muiz bin Haji Kadir dan Pemangku Penghulu Zon 2, Awang Khairul Anwar bin Haji Jumaat.

Juga hadir bagi menyampaikan taklimat kepada penduduk-penduduk kampung ialah dari Jabatan Tenaga mengenai 'Usaha Kerajaan dalam Memperkenalkan Renewable Energy / Tenaga Baharu (Solar System)' dari Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) (BruneiID)

Peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Program ini sebagai salah satu usaha di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat - kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan, yang antaranya berkaitan dengan prasarana awam, perekonomian, keselamatan dan kemudahan awam serta hal-hal lain.

# KEBAKARAN HUTAN, RUMPUT MENINGKAT AKIBAT CUACA PANAS MELAMPAU

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 April. – Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) ingin memaklumkan peningkatan ketara kejadian kebakaran hutan dan rumput yang berlaku pada 25 hingga 26 April 2026, dipercayai berikutan keadaan cuaca panas melampau yang melanda negara pada masa ini.

Pada 25 April 2026, sebanyak tujuh panggilan kecemasan kebakaran hutan dan rumput telah diterima, melibatkan keluasan keseluruhan dianggarkan 30.6 hektar. Daripada jumlah berkenaan, kawasan berhampiran Universiti Teknologi Brunei mencatatkan keluasan kebakaran terbesar, iaitu kira-kira 28 hektar.

Manakala pada 26 April 2026, jumlah panggilan meningkat kepada 12 kes, dengan keluasan kebakaran dianggarkan 37.4 hektar. Kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba mencatatkan keluasan kebakaran tertinggi, iaitu sekitar 20 hektar.

Pada hari yang sama, melalui Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), bantuan khidmat *water bombing* dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah dilaksanakan bagi membantu mengawal kebakaran daripada terus merebak ke kawasan perumahan berhampiran.

Secara keseluruhannya, bagi April 2026, sebanyak 88 insiden kebakaran hutan dan 47 insiden kebakaran rumput telah direkodkan oleh JBP. Berikut statistik yang dicatatkan mulai bulan Januari 2026 hingga April 2026.

JBP memandang serius peningkatan berkenaan dan telah menggerakkan anggota serta jentera secara berterusan bagi mengawal dan memadam kebakaran, di samping memastikan keselamatan orang awam sentiasa terpelihara.

Sebagai langkah inisiatif dan proaktif, pihak JBP juga telah mempertingkatkan rondaan berkala di kawasan-kawasan berisiko tinggi (*hotspot*) yang mudah terdedah kepada kebakaran, termasuk kawasan hutan dan kawasan pertanian. Rondaan berkenaan bertujuan untuk pengesanan awal, pencegahan serta tindakan pantas sekiranya berlaku kebakaran.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak melakukan pembakaran terbuka, sentiasa memastikan kawasan persekitaran dalam keadaan bersih dan bebas daripada bahan mudah terbakar seperti rumput kering dan sampah sarap, dan segera melaporkan sebarang kejadian kebakaran dengan menghubungi Talian Kecemasan 995.

JBP juga akan sentiasa bekerjasama rapat dengan agensi-agensi berkepentingan seperti Tentera Udara Diraja Brunei, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perhutanan, NDMC serta Pasukan Polis Diraja Brunei dalam memperkukuh operasi pemadaman dan kawalan kebakaran hutan secara bersepadu dan berkesan.

Tindakan pembakaran terbuka bukan sahaja boleh mencetuskan kebakaran yang tidak terkawal, malah turut memberi kesan buruk kepada kesihatan awam serta alam sekitar.

Kerjasama dan keprihatinan orang ramai amatlah diharapkan dalam mencegah kejadian kebakaran hutan dan rumput daripada terus meningkat, terutama dalam keadaan cuaca panas dan kering pada ketika ini.



**ORANG ramai adalah dinasihatkan untuk tidak melakukan pembakaran terbuka. Tindakan pembakaran terbuka bukan sahaja boleh mencetuskan kebakaran yang tidak terkawal, malah turut memberi kesan buruk kepada kesihatan awam serta alam sekitar.**

## Cubaan bawa masuk barang tegahan digagalkan



**POLMAR dengan kerjasama ABDB berjaya mengesan dan menjumpai sebuah perahu tanpa pemandu di kawasan bakau.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**MUARA**, Isnin, 27 April. - Dalam satu rondaan harian pada pagi Ahad, Polis Marin (POLMAR), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah berjaya menumpaskan satu percubaan membawa masuk barang tegahan di perairan Negara Brunei Darussalam.

Semasa rondaan, peronda POLMAR telah mengesan dua buah perahu bergerak dalam keadaan mencurigakan.

Operasi sepadu kemudiannya dijalankan bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi mengesan perahu-perahu tersebut di mana salah sebuah perahu berjaya dijumpai tanpa pemandu di kawasan bakau.

Hasil pemeriksaan ke atas perahu yang ditemui telah menjumpai barang tegahan berupa 500 karton dan lima batang rokok pelbagai jenis.

Kesemua barang rampasan, termasuk perahu, telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk tindakan lanjut.

Kes ini disiasat di bawah Seksyen 146(1)(d), Perintah Eksais 2006.

PPDB akan terus mempergiatkan rondaan dan pemantauan bagi memastikan perairan negara sentiasa selamat dan bebas daripada sebarang kegiatan jenayah.

Orang ramai juga diseru untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kegiatan jenayah melalui Talian Kecemasan 993.




Foto : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

# Agar-agar Laici

## Kampung Kiarong

**BAHAN-BAHANNYA :**
1 paket agar-agar warna *clear*
1 paket agar-agar perisa laici
1 tin laici
1 tin susu cair
250g gula
900ml air
Pewarna merah jambu

**CARA-CARA MEMASAK :**
**Untuk lapisan pertama**
Masukkan satu paket agar-agar berwarna *clear*. Masukkan 250g gula. Kemudian masukkan 500ml air, satu tin susu cair, satu tin air laici / longan dan asingkan buahnya. Kacau secara perlahan sehingga mendidih lalu tuangkan ke dalam acuan dan sejukkan selama 20 minit.

**Untuk lapisan kedua**
Masukkan serbuk agar-agar perisa laici kemudian masukkan 400ml air, sedikit pewarna merah jambu. Kacau secara perlahan sehingga mendidih. Tuangkan ke dalam acuan sejukkan selama 20 minit. Setelah itu, letakkan beberapa biji laici di atas lapisan agar-agar tadi.

BERITA GLOBAL

# ANGKA KORBAN NAHAS KERETA API DI INDONESIA MENINGKAT KEPADA 7, 85 CEDERA

**JAKARTA**, 28 April. - Angka korban akibat perlanggaran kereta api di Stesen Bekasi Timur, Jawa Barat meningkat kepada tujuh orang, manakala 85 lagi cedera, menurut pihak berkuasa Indonesia ketika operasi mencari dan menyelamat memasuki hari kedua.

Ketua Pejabat Mencari dan Menyelamat Jakarta (Basarnas), Desiana Kartika Bahari berkata setakat 7.30 pagi waktu tempatan, seramai 92 mangsa direkodkan, terdiri daripada 85 mangsa terselamat yang menerima rawatan di hospital atau dibenarkan pulang selepas mengalami kecederaan ringan, dan tujuh kematian.

Beliau berkata operasi masih tertumpu kepada usaha mengesan dan mengeluarkan mangsa yang dipercayai masih terperangkap dalam gerabak kereta api.

"Memasuki hari kedua, kami terus mengoptimumkan semua anggota Basarnas bersama elemen SAR. Proses pemindahan dilakukan dengan berhati-hati berikutan kerosakan teruk pada gerabak kereta api. Keutamaan kami adalah mengesan dan mengeluarkan semua mangsa secepat mungkin," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Perlanggaran berlaku lewat Isnin apabila sebuah tren komuter yang berhenti di landasan 1 menuju ke Cikarang dilanggar dari belakang oleh tren jarak jauh yang tiba di landasan sama.

Sementara itu, Naib Presiden Komunikasi Korporat Kereta Api Indonesia (KAI), Anne Purba mengesahkan semua mangsa maut dan cedera adalah penumpang tren komuter.

Beliau berkata kesemua 240 penumpang tren jarak jauh Argo Bromo Anggrek terselamat dalam kejadian itu.

Anne berkata syarikat berkenaan komited memberikan sokongan penuh kepada mangsa dan keluarga terjejas, termasuk memastikan proses pengendalian dilakukan dengan cepat, teratur dan diselaraskan dengan semua pihak berkaitan.

Beliau berkata usaha pemindahan mengambil masa beberapa jam apabila pasukan penyelamat bekerja dengan berhati-hati untuk membantu mangsa terselamat yang masih terperangkap. - ©BERNAMA

# Teknologi AI papar rupa dan detik akhir mangsa Pompeii

**ROM**, 28 April. - Penyelidik Itali buat kali pertama menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) untuk melakar semula rupa dan detik akhir seorang mangsa letusan Gunung Vesuvius di Pompeii pada tahun 79 Masihi, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Taman Arkeologi Pompeii pada Isnin menerbitkan imej dijana AI yang memaparkan seorang lelaki berlari dalam keadaan membongkok sambil memegang sebuah bekas di atas kepalanya, dipercayai sebagai perlindungan.

Imej itu berdasarkan penemuan rangka seorang lelaki oleh ahli arkeologi di kawasan nekropolis Porta Stabia. Di sisi rangka itu, para penyelidik menemukan sebuah bekas besar daripada tanah liat yang dipercayai digunakan mangsa ketika melarikan diri daripada letusan hampir 2,000 tahun lalu.

Mangsa dipercayai cuba menuju ke pantai, namun maut akibat hujan batuan gunung berapi. Bekas yang dijumpai berhampiran rangka menunjukkan kesan pecah akibat hentaman.

Penyelidik turut menemukan lampu minyak kecil yang dipercayai digunakan untuk membantu mangsa melihat dalam keadaan gelap, selain beberapa keping syiling gangsa.

Menurut pihak taman, pembinaan semula menggunakan AI itu masih pada peringkat prototaip eksperimen, dengan tujuan menjadikan hasil penyelidikan arkeologi lebih mudah difahami orang awam.

Pengarah taman itu, Gabriel Zuchtriegel berkata penggunaan AI yang tepat mampu memberi nafas baharu kepada kajian klasik dengan memaparkan kisah dunia lampau secara lebih jelas dan menarik.

Pompeii tertimbus di bawah abu, lumpur dan lava akibat letusan Gunung Vesuvius pada tahun 79 Masihi, namun terus menjadi lokasi penting bagi penemuan arkeologi.

Bandar purba itu ditemukan semula pada abad ke-18 dan tinggalan yang terpelihara hingga kini memberi gambaran tentang kehidupan pada zaman Empayar Rom. Kini, Taman Arkeologi Pompeii merupakan antara tarikan pelancongan paling popular di Itali. - ©BERNAMA

# Amazon hantar satelit baharu ke angkasa

**LOS ANGELES**, 28 April. - Sebanyak 29 satelit rangkaian satelit orbit rendah Bumi Amazon dilancarkan ke orbit pada Isnin menggunakan roket Atlas V milik United Launch Alliance (ULA), lapor Xinhua.

Roket itu berlepas dari Stesen Angkatan Angkasa Cape Canaveral di negeri Florida, Amerika Syarikat (AS), pada 8.53 malam Waktu Timur (0053 GMT Selasa).

ULA kemudian mengesahkan satelit berkenaan berjaya ditempatkan di orbit rendah Bumi.

Misi itu sebahagian daripada rancangan lebih luas Amazon untuk membangunkan gugusan lebih 3,200 satelit di orbit rendah Bumi bagi menyediakan perkhidmatan Internet berkelajuan tinggi dan kependaman rendah kepada pelanggan serta komuniti di seluruh dunia. - ©BERNAMA

# Jepun bersedia bertindak jika pergerakan mata wang tidak menentu

**TOKYO**, 28 April. - Kerajaan bersedia 'bertindak apabila perlu' terhadap pergerakan pasaran pertukaran mata wang yang tidak menentu, kata Menteri Kewangan Jepun Satsuki Katayama sambil menambah ia akan bertindak balas pada bila-bila masa, '24 jam sehari', lapor Agensi Berita Kyodo.

Bercakap kepada pemberita, Katayama menegaskan kerajaan boleh mengambil 'tindakan tegas' namuntidak mendedahkan butiran, dengan yen didagangkan berhampiran garisan 160 berbanding dolar Amerika Syarikat, tahap yang meningkatkan kewaspadaan pasaran mengenai campur tangan pihak berkuasa Jepun.

Katayama berkata kerajaan terus mendapat pandangan kukuh bahawa 'ketidaktentuan dalam pasaran niaga hadapan minyak mentah adalah sangat tinggi', yang meningkatkan pergerakan spekulatif dalam pasaran mata wang.

Pasaran kewangan bersiap sedia minggu ini untuk beberapa siri mesyuarat penetapan dasar oleh bank pusat utama termasuk Bank of Japan ketika kesudahan perang Iran masih belum pasti.

Meskipun Katayama akan memulakan perjalanan lima hari ke Uzbekistan pada Sabtu, kerajaan tetap bersiap sedia untuk bertindak jika perlu.

Beliau dijadual menghadiri mesyuarat tahunan Bank Pembangunan Asia dan perhimpunan berkaitan dengan negara Asia Tenggara, Republik Korea dan Republik Rakyat China.

Pasaran kewangan Jepun akan ditutup dalam tempoh berkenaan susulan cuti Minggu Emas pada awal Mei. - ©BERNAMA

# Gempa bumi 6.2 skala richter landa Hokkaido, tiada amaran tsunami dikeluarkan

**TOKYO**, 27 April. - Gempa bumi berukuran 6.2 pada skala Richter melanda Hokkaido, Jepun pada Isnin, namun tiada amaran tsunami dikeluarkan, menurut Agensi Meteorologi Jepun (JMA).

Kyodo News melaporkan gempa pada 5.24 pagi itu mencatatkan bacaan 5 atas pada skala keamatan seismik Jepun daripada 7 di wilayah Tokachi, pulau utama utara Jepun, dan berlaku pada kedalaman kira-kira 83 kilometer.

Tiada laporan segera mengenai kecederaan.

Bacaan 5 atas digambarkan sebagai tahap yang menyebabkan orang ramai sukar berjalan tanpa berpaut pada sesuatu.

Menurut Hokkaido Electric Power Co., tiada sebarang insiden dikesan di loji tenaga nuklear Tomari.

Gempa berlaku ketika JMA mengeluarkan nasihat selama seminggu mengenai peningkatan risiko gempa bumi kuat, susulan gempa bumi berukuran 7.7 pada skala Richter yang melanda wilayah Aomori di timur laut Jepun seminggu sebelumnya.

Hokkaido adalah antara tujuh kawasan yang dinasihatkan supaya berwaspada. - ©BERNAMA

# Denda hingga SAR50,000 bagi individu tinggal lebih masa di Saudi

**RIYADH**, 28 April. - Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi mengesahkan ekspatriat yang tinggal melebihi tempoh visa akan dikenakan denda sehingga SAR50,000 (USD13,330), penjara sehingga enam bulan dan pengusiran.

Kementerian menggesa semua pihak mematuhi peraturan bagi musim 1447H/2026M dan bekerjasama dengan pihak berkuasa berkaitan bagi memastikan keselamatan serta ketenteraman jemaah, lapor Saudi Press Agency (SPA).

Individu yang melanggar peraturan akan dikenakan tindakan undang-undang.

Kementerian turut meminta orang ramai melaporkan sebarang pelanggaran dengan menghubungi 911 di wilayah Makkah, Madinah, Riyadh dan Timur, serta 999 di wilayah lain di Arab Saudi. - ©BERNAMA

# Kebakaran hutan di Iwate terus merebak, 1,370 hektar terjejas

**MORIOKA (JEPUN)**, 27 April. - Kebakaran hutan di wilayah Iwate, timur laut Jepun terus merebak, dengan kira-kira 1,370 hektar kawasan dilaporkan musnah setakat 6 pagi Ahad, lapor Jiji Press.

Kira-kira 1,500 anggota bomba dan petugas kecemasan dikerah ke bandar Otsuchi, namun kebakaran masih belum dapat dikawal, menurut pegawai bandar.

Arahan pemindahan dikeluarkan terhadap kira-kira 1,500 isi rumah, melibatkan sekitar 3,200 penduduk atau hampir 30 peratus daripada populasi bandar berkenaan.

Setakat 7 malam Ahad, kira-kira 200 penduduk berlindung di tujuh pusat pemindahan. Sebuah lagi pusat perlindungan turut dibuka pada hari sama bagi membolehkan penduduk membawa haiwan peliharaan masing-masing.

Kebakaran di kawasan hutan pergunungan itu mula dikesan pada Rabu, dengan satu kes dilaporkan kira-kira 1.50 tengah hari di daerah Kozuchi dan satu lagi kira-kira 4.30 petang di daerah Kirikiri. - ©BERNAMA

# Bom lama ditemukan di lapangan terbang utama Republik Filipina - Media tempatan

**MANILA**, 27 April. - Pekerja binaan memaklumkan kepada polis dan pihak berkuasa lapangan terbang selepas menemukan beberapa objek bom lama yang berkarat ketika kerja penggalian di Juliet Extension Taxiway dalam kompleks Lapangan Terbang Antarabangsa Ninoy Aquino pada Ahad, lapor Xinhua memetik media tempatan pada Isnin. - ©BERNAMA




# BERANGKAT MENYAKSIKAN PERLAWANAN AKHIR TEQBALL



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sukan Teqball bagi menyaksikan perlawanan akhir dan mengurniakan pingat kepada para pemenang.**

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam Sukan Pantai Asia Ke-6**

**SANYA, REPUBLIK RAKYAT CHINA**, Selasa, 28 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Olympic Council of Asia Honorary Executive Board Member dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sukan Teqball bagi menyaksikan perlawanan akhir dan mengurniakan pingat kepada pemenang dalam acara Women's Double di Sanya Yuhai Club Venue Cluster.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan mengurniakan pingat emas kepada Thailand, Areeya Homdee dan Jutatip Kuntatong dalam acara Teqball Women's Double, pemenang pingat perak dari Republik Demokratik Rakyat Korea, Sol Gyong Cha dan Hyo Gyong Kim dan pemenang pingat gangsa bersama kepada pemain Kemboja, Sremeas Mey dan Sophomraksmey Yorn dan Aung Hsu Mon dan Win Naing Naing dari Myanmar.

Pada hari terakhir acara-acara Teqball mempamerkan Thailand adalah jaguh Teqball pada temasya Sukan Pantai Asia ini dan telah mendominasi semua acara Men's Double, Women's Double dan Mixed Double dengan meraih kesemua pingat emas bagi ketiga-tiga acara tersebut.

Ini dikuti dengan Republik Demokratik Rakyat Korea dengan dua pingat perak dalam acara Mixed Double dan Women's Double, manakala Pasukan Iraq meraih pingat perak dalam acara Men's Double. Pasukan-pasukan negara Lubnan, Myanmar, Kemboja dan China meraih pingat-pingat gangsa bersama dalam acara masing-masing.

# Beasley puas hati prestasi skuad negara pada Piala Dunia Berbasikal Trek di Nilai

**KUALA LUMPUR**, 28 April. - Pengarah Teknikal Program Berbasikal Kebangsaan, John Beasley ternyata berpuas hati dengan pencapaian keseluruhan skuad kebangsaan pada Piala Dunia Berbasikal Trek 2026 yang berlangsung di Velodrom Nasional Nilai, Negeri Sembilan minggu lepas.

Beliau berkata skuad wanita menunjukkan prestasi memberangsangkan selepas mencatat rekod kebangsaan menerusi Nurul Izzah Izzati Mohd Asri dalam acara pecut individu serta catatan terbaik peribadi oleh Nur Alyssa Mohd Farid.

Namun, jurulatih kelahiran Australia itu menegaskan bahawa barisan pelumba negara masih dalam fasa pembangunan dan memerlukan masa untuk mencapai potensi sebenar mereka.

"Saya sangat berbangga dengan mereka (pasukan wanita). Mereka masih belajar dan perjalanan masih jauh, tetapi mereka berada di landasan betul. Saya berpandangan bagi pasukan wanita, mereka dalam keadaan baik untuk menempatkan pasukan melalui proses kelayakan bagi acara pecut berpasukan di Sukan Olimpik.

"Ia sesuatu yang luar biasa jika kita dapat menghantar tiga pelumba wanita ke temasya itu. Jika kita berjaya, mereka bukan sahaja akan beraksi dalam acara pecut berpasukan, malah turut memperoleh dua slot keirin dan dua slot pecut," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Skuad wanita kebangsaan menyerlah apabila menamatkan saingan di tempat ketujuh dalam acara pecut berpasukan dibarisi Nurul Izzah Izzati Mohd Asri, Nur Alyssa Mohd Farid dan Anis Amira Rosdi. Sementara itu, Nurul Izzah menduduki tempat ketujuh dan ke-10, manakala Nur Alyssa menamatkan saingan di tempat ke-12 dan ke-13, masing-masing dalam acara pecut dan keirin.

Dalam acara perlumbaan penyingkiran wanita, Nur Aisyah Mohamad Zubir berjaya mara ke peringkat akhir dan menamatkan perlumbaan di tempat ke-21, selain turut menduduki tempat ke-19 dalam acara omnium.

Bagi kategori lelaki, Malaysia menamatkan saingan di tempat ke-13 dalam acara pecut berpasukan yang menampilkan Adib Andhar Andan, Mohd Akmal Nazimi Jusena dan Muhammad Fadhil Mohd Zonis.

Pelumba utama negara, Datuk Mohd Azizulhasni Awang, merangkul pingat emas dalam acara keirin dan gangsa dalam pecut individu, manakala Muhammad Shah Firdaus Sahrom menamatkan saingan di tempat ke-16 dalam pecut individu dan ke-23 dalam keirin.

Beasley turut memuji Shah Firdaus atas kebangkitan memberangsangkan selepas menamatkan saingan di tempat ke-16 dalam acara pecut walaupun hanya menjalani latihan terhad susulan pembedahan serius kira-kira lima bulan lalu akibat kecederaan lutut yang menjejaskan prestasinya hampir sepanjang tahun lepas.

"Shah Firdaustelah melalui 10 bulan tanpa latihan. Untuk menamatkan saingan di tempat ke-16, saya agak berpuas hati dengan kedudukan sekarang. Saya rasa proses pemulihan harus diberikan kepada ahli fisioterapi dan jurulatih kecergasan kami, mereka telah melakukan tugas yang sangat baik.

"Sekarang kerja keras bermula. Kami langsung belum melakukan latihan pecutan, jadi itulah fokus utama selepas ini. Banyak peningkatan boleh dicapai di situ, dan dia seorang atlet berkualiti. Jika kami dapat mengembalikannya ke tahap terbaik, anda akan mempunyai seorang lagi atlet bertaraf dunia," katanya.

Pusingan akhir Piala Dunia Berbasikal Trek yang berlangsung selama tiga hari di Nilai berakhir Ahad lepas.

Selepas tiga pusingan, termasuk di Perth pada Mac dan Hong Kong awal bulan ini, Malaysia menamatkan saingan di kedudukan keenam bersama Great Britain dengan, masing-masing satu emas dan satu gangsa, manakala Republik Rakyat China muncul juara keseluruhan mengatasi Belanda dan Norway.

Melangkah ke hadapan, Beasley berkata tumpuan kekal kepada pembangunan jangka panjang dan sasaran utama tahun ini, termasuk Sukan Asia Aichi-Nagoya 2026 di Jepun pada September serta Kejohanan Dunia Berbasikal Trek di Shanghai pada Oktober.

Beliau berkata Sukan Komanwel di Glasgow, Scotland pada Julai, akan menjadi platform persediaan ketika skuad kebangsaan membina prestasi kemuncak menjelang penghujung musim ini. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn